

Rengkasari

Jerombong Sungai Ujong

RENGKASAN

TEROMBO SUNGAI UJONG

Disusun semula

Oleh Haji Muhammad Tainu
Zaini bt. Abd. Hamid

TEROMBO ASAL SUNGAI UJONG

Oleh Raja Aman bin Raja Hussin

Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan

Darul Khusus.

Tarikh November, 1993.

PENDAHULUAN.

Rengkasannya Terombo Sungai Ujong ini ditulis dan disusun semula dengan merujuk dan berdasarkan kepada Terombo Sungai Ujong yang ditulis oleh Raja Aman, pada tahun 1901.

Terombo Sungai Ujong itu mengandungi 47 FASAL, Agak sukar sedikit untuk memahami dengan jelas tentang ayat-ayat dan maksud yang tertulis di dalamnya. Jalan bahasanya yang susah difahami dan susunan-susunan ayat terputus-putus atau terasing dari urutan isi ceritanya.

Dalam penulisan ringkasan Terombo ini mungkin terdapat atau ada perkara-perkara yang difahami tidak menepati tujuan asal yang dimaksudkan oleh Penulis asalnya (Raja Aman). Mungkin juga ditafsirkan lain daripada maksudnya yang sebenar.

Oleh itu jika membaca dan membuat kajian mengenai Terombo Sungai Ujong ini janganlah membaca dan membuat rujukan kepada ringkasan Terombo ini sahaja, tetapi mestilah membaca terombo asalnya supaya dapat penentuan atau kepastian maksudnya.

Ringkasan ini ditulis dan disusun semula sekadar hendak memudahkan kefahaman setelah membaca Terombo asalnya. Hanya digunakan untuk penyelidikan sahaja.

Ditulis dan disusun semula

Oleh: Haji Muhammad bin Tainu dan
Zaini bt. Abd. Hamid

Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus.
Seremban, November, 1993.

TEROMBO SUNGAI UJONG

(Antara Isi Kandungan - Rengkasan)

FASAL 1. Trombo dan Salasilah Negeri Sungai Ujong

- 1.1. Sumber cerita daripada Dato' Kelana Putra Maamor bin Kasim dan cerita orang tua-tua.

Arahan menulis oleh D.J. Kembal - British Residen Negeri Sembilan.

Tarikh tahun 1910.

- 1.2. Penulis terombo - Raja Aman - Juru tulis Melayu dan salasilahnya.

- 1.3. Mohamad Hj. Omar minta kebenaran daripada Dato' Kelana Putera Maamor.

- 1.4. Mohamad Hj. Omar keturunan anak jati Sungai Ujong, keturunan daripada Toh Dara Mengkudu anak Tok Musang.

FASAL 2. Petua Adat Perpatih (Toh Merpatih Tiang Sebatang)

- 2.1. Pepatah pada pangkat:

Perempuan - Saka. Lelaki - Baka. Pangkat - Pesaka.

- 2.2. Pesaka (Pangkat):

- i) Turun kepada anak lelaki - Temenggong
- ii) Turun kepada anak perempuan - (Adat Perpatih).
- iii) Jika memiliki cukup syarat memerintah
Jika tidak cukup syarat hendaklah di-kembalikan pilihan kepada yang cukup syarat memerintah berdasarkan kepada kebulatan muafakat dalam perut/waris/atau suku.

- iv) Mengikut perbilangan adat - bulat
anakbuah menjadikan buapak, bulat.
buapak menjadikan lembaga dan bulat
lembaga menjadikan penghulu (Undang).
- 2.3. Suku berlingkongan, lingkungan berlembaga
anak buah berbuapak, luak berpenghulu, alam
beraja.
- 2.4. Lelaki adik beradik lelaki. Anak mereka
tidak boleh berkahwin
- 2.5. Perempuan adik beradik perempuan. Anak
mereka tidak boleh berkahwin
- 2.5. Lelaki adik beradik perempuan. Anak mereka
boleh berkahwin.

FASAL 3. Susuran Biduanda.

- 3.1. Perkataan Biduanda daripada Batin Seri Alam.
Jatuh terdiri = raja
Jatuh tersila = batin
Jatuh tertiarap = hamba (rakyat)
- 3.2. Tempat asal Batin Seri Alam - Kemuncak
Gunung Negeri Hindi. Hamba masa di-
Gunung Hindi Biduanda - namanya. Ke-
Negeri Arab Bedai namanya. Kesebelah
sini Biduanda namanya.

FASAL 4. Rayat.

- 4.1. Cerita mitos - Batin Seri Alam datang ke-
sebelah sini jumpa tunggul berisi telur 44
biji. Telor ditanamkan dan menetas keluar
manusia 44 orang. 22 orang dihantar ke-
Kampar. 22 orang tinggal disini dan di-
sebut 'Rayat'.

- 4.2. Kesah - Orang membuka Jelebu - di kuala suatu anak air. Bila balik ke pondok didapati dulang hidangan sudah tersedia - Tidak diketahui di mana datangnya. Didirikan masjid dinamakan Masjid Kuala Dulang.
- 4.3. Jelebu sudah ramai penduduk orang Islam. Ada Batin hendak masuk Islam - dikhatankan. Batin pun ghaib.
- Beberapa zaman kemudian ada khabar Batin ini berada di Bukit Siguntang - didalam alam Minangkabau antara Hulu Pelembang dengan Jambi. Namanya Batin Merah Gelang, datang ke Pahang, ghaib di dalam kota Gelinggi - Pahang.

FASAL 5. Asal Negeri Sungai Ujong

- 5.1. Batin Bercanggai Besi - Isterinya Bedurai Besi adiknya bernama Ketopong Besi, tinggal di - Beranang tiada api, makan semua mentah.
- 5.2. Pergi berburu - tiada dapat perburuan - jumpa gua batu - anjing menyalak dimuka gua. Ada serumpun manau, ada seekor siamang puteh dan seekor ungka putih - turun naik kerjanya pada rumpun manau itu. Di dalam gua ada seorang puteri, cantik rupanya - di bawa pulang dipelihara diberinama 'Puteri Mayang Selida'.
- 5.3. Sultan Johor bermimpi di sebelah utara jajahannya ada seorang puteri jika hendak menemui dan mendapatkannya, ikut sungai, timbang airnya, mana yang berat ikut sungai itu.
- 5.4. Rombongan sultan belayar dengan cukup kelengkapan, Ditimbang air Johor dengan air batang Melaka, berat air Melaka - ikut sampai Melaka, jumpa sungai Linggi, timbang airnya, begitulah seterusnya hingga sampai ke Sungai Semenyeh. Di kualanya

ada simpang sungai dan ada serumpun mengkuang Bernang, dinamakan sungai Mengkuang Bernang - Ikut mudak ke hulu jumpa hampas tebu dan kulit jagung.

- 5.5. Berjumpa kampung rayat - sampai ke rumah Batin, Keesokannya kerah rakyat menebang menebas buka negeri.
- 5.6. Raja islamkan penduduk di situ.
- 5.7. Batin Bercangai Besi ada saudara perempuan dua orang bernama Toh Jelondong dan Nenek Kerbau.
- 5.8. Sultan Johor berkahwin dengan Puteri Mayang Selida dan bawa balik ke Johor- Naik pada suatu tanjung dan dinamakan 'Tanjung Puteri'
- 5.9. Toh Jelondong pergi ke Jelebu dan buka Jelebu Nenek Kerbau pergi ke Johol dan buka Johol.

FASAL 6. Nama Tempat-Tempat Masa Beranang Ramai.

- 6.1. Cheng, Beranang, Pajam, Gibok, Kichan, Langlang, Langkap Berjuntai, Bertam Tenong, Lubuk Bergoyang, Subang Hilang, Merbuk Awang, Tunggul Sijaga. Cheng di Mendom, Lenggeng. Pajam, Gebok di Mantin. Setol, Langlang di Semuteh Hulu. Langkap Berjuntai antara Kuala Beranang dan Simpang Empat. Bertam Tenong, Lubok Bergoyang, Hulu Beranang antara Jelebu. Subang Hilang antara Kajang dengan Rakoh. Merbok Awang, Rakoh, Tunggul Sijaga di Kuala Semonyeh.

- 6.2. Kesah orang bertunang - Dua orang lelaki berebut seorang gadis.

Andang-andang dipuput ribut
Jatuh di Pulau Angsa dua
Saya seorang jangan direbut
Ambillah pisau di belah dua.

Perempuan dibelah dengan pedang - gempar, berlaku pergaduhan dan negeri musnah.

FASAL 7. Batin Sibu Jaya lari, Kelambai hendak lalu di Bandar Beranang.

- 7.1. Berita kelambai hendak lalu di Beranang, barang yang ditegurnya menjadi batu.
- 7.2. Batin Sibu Jaya dengan ibunya lari dari Beranang, lalu ke Gunung Berembun, di hulu Sungai Faz (Sungai Batang Penar). Menghilir sungai Linggi dan sampai ke Pengkalan Dian.
- 7.3. Jumpa orang Aceh, beri ubat tangkal kelambai bakar dian tiap-tiap petang.
- 7.4. Orang Aceh itu bertapa dan dikenal keramat Sungai Udang.

FASAL 8. Adat Penghulu Yang Empat, Kelang, Sungai Ujong, Jelevu dan Johol.

- 8.1. Puteri Mayang Selida berputra 4 orang. Toh Engku Kelang, Bendahara Sekudai, Andika Akhirzaman Sultan Jelevu, dan Johan Pahlawan Lela Perkasa Johol.

- 8.2. Bendahara Sekudai belayar dari Johor, puterinya perempuan bernama Toh Susu Ganda berkahwin dengan Tuan Sayid ditinggalkan di bandar Muar berpangkat Temenggong disana.
- 8.3. Bendahara Sekudai sampai ke Kuala Linggi mudek sampai ke Pangkalan Dian.
- 8.4. Bendahara Sekudai berkahwin dengan Batin Sibul Jaya, cucu Batin Bercanggai Besi dapat seorang anak lelaki diberi nama Muhammad Tumbu kemudian ternama sebagai Toh Kelambu atau Toh Jebat.
- 8.5. Bendahara Sekudai berpindah ke Kuala Selilau berputera pula seorang lelaki di beri nama Toh Musang.

FASAL 9. Orang Rembau Mengadap Bendahara

- 9.1. Orang Rembau mengadap Bendahara Sekudai ketika itu telah berpindah ke Kuala Selebu. Sebelum itu Bendahara Sekudai pernah tinggal di Rembau iaitu di kandang Dalam, kemudian di Kebun Lada, kemudian di Kuala Selebu.

Orang Minangkabau bergelar Raja Balang. Orang Jawa suami isteri bergelar Dato' Laut Dalam, Merak Bangsa, Bangsa Balang Shamsura, datang ke Rembau.

- 9.2. Mereka (Orang Rembau) datang minta adat kepada Bendahara Sekudai; Mereka disuruh berpenghulu kepada Dato' Raja Balang yang sudah bernikah dengan anak Dato' Batin di Rembau.

- 9.3. Dato' Raja Balang dan Dato' Laut Dalam, ke-negeri Johor, mengadap Sultan Johor memohon namakan (gelaran) anak mereka. Anak Dato' Balang diberi nama (gelar) Lela Maharaja dan anak Dato' Laut Dalam di beri nama (gelaran) Sedia Raja (perempuan) suruh nikahkan mereka berdua. Maka bergelar Pesaka Rembau Lela Maharaja dengan Sedia Raja.
- 9.4. Penghulu Rembau dijadikan pada gilirannya oleh Lembaga yang empat ' Rembau Berundang Berlembaga', sebab sama lembaga membuka negeri. Waktu mentabalkan Yang Di Pertuan Jelebu Toh Engku Kelang berwakil kepada Penghulu Rembau dan seterusnya dalam majlis-majlis yang lain.
- 9.5. Toh Raja Balang bergelar Gempa Maharaja dan tinggal di Kampung Penajis.

FASAL 10. Bendahara Sekudai Duduk Di Rahang dan Bermenantikan Anak Batin Bongkok .

- 10.1. Bendahara Sekudai berpindah ke Rahang dari Kuala Seliyu dapat dua orang anak perempuan bernama Toh Semerga dan Toh Seri Manai. Jadilah anaknya empat orang dua lelaki dan dua perempuan.
- 10.2. Mohamad Tumbu membuka tempat di Sungai Kelambu, menjadikan Kampung dan sawah bersama adiknya Toh Musang. Itu sebab diberi nama Toh Kelambu kerana duduk di Sungai Kelambu dan juga dipanggil Toh Jebat kerana adiknya bernama Toh Musang.

- 10.3. Toh Kelambu, Toh Musang dengan pengiring-pengiring pergi ke Kelang hendak menyabung singgah di Simpang Empat, Beranang. Hari hujan berteduh di bawah rumpun pisang rumah Batin Bongkok atau Batin Raja. Tok Batin tiada di rumah, tapi ada anak gadis.
- 10.4. Jebat dan Musang bertolak ke Kelang. Di-tengah jalan teringat balik ke rumah Batin Bongkok. Anak gadis Tok Batin. Naik ke-rumah dapatkan anak Batin.
- 10.5. Tok Batin balik didapati Jebat ada di dalam rumah.
- 10.6. Keesokannya berkumpul di rumah Batin. Pihak Jebat dan pihak orang-orang besar Batin.
- 10.7. Toh Jebat dan Toh Musang diperkenalkan kepada Tok Batin sebagai anak Bendahara Sekudai. Tok Batin berkerah supaya menghantarkan anak permpuannya bernama Toh Terumbong dan Toh Toyon atau Toh Nok Terumbu kepada Bendahara Sekudai.
- 10.8. Rombongan Tok Batin, pengiring-pengiringnya pergi ke Rahang, mengadap Bendahara Sekudai.
- 10.9. Bendahara Sekudai menerima persembahan kedua-dua anak perempuan Dato' Batin itu.
- 10.10 Bendahara Sekudai Islamkan kedua-dua anak Batin itu dan dinikahkan dengan Toh Jebat kahwin dengan Toh Terumbong (chumbu) dan Toh Musang dengan Toh Terumbu (Toyan).

- 10.11. Tok Batin Bongkok datang lagi mengadap Bendahara Sekudai dan mempersembahkan empat budak untuk jadi pengiring kepada kedua-dua anaknya itu. Seorang anak buah Jenang, anak buah Jukerah, anak buah Penghulu Balai dan anak buah Parang Tajam.
- 10.12. Empat orang budak tadi dinamakan sebagai anak selasilah. Tidak boleh bercerai dengan Penghulu. Jika mati tidak boleh diajikan (baca-kur'an) dan disembahyangkan. Di tahlilkan boleh. Apabila putus keturunan anak Batin Raja (Bongkok) bolehlah ia jadi penghulu jika belum putus sekali-kali tidak boleh.
- 10.13. Tiap-tiap Batin biasalah mengadap Penghulu dan bila hendak melantik Penghulu Batin adalah bersama-sama menjadikan Penghulu Sungai Ujong.
- 10.14. Adalah menjadi undang-undang (peraturan) kepada Dato' Kelana Putera menjadi Kelana Putera ia-itu Penghulu Sungai Ujong:-

Berundang berkeadilan

Berterumba berselasilah

FASAL 11. Sempadan Sungai Ujong Dengan Dato'-dato' Yang Empat, Kelang, Sg. Ujong, Jelevu dan Johol.

- 11.1. Kawasannya yang telah dibuka oleh Batin-Batin dibawah pemerintah masing-masing ia-itu Batang Langat, Kuala Labu, Bukit Jukerah, Lalu ke Tunggul Sejaga, Semonyeh terus ke - Merbok Awang Hilir Rakoh, Subang Hilang, antara Kajang dengan Rakoh terus ke Bukit Perhentian Rimbun perbatasan dengan Pahang.

- 11.2. Sebelah kiri mudik Sungai Langat di punyai oleh Kelang. Sebelah Kanan mudik Sungai Langat Sungai Ujong punya.
- 11.3. Dari Bukit Jugrah ke Teluk Dalam, Ke - Perigi Janggi ke Pahang ke Naning, Ke - Kampong Chachar hingga ke Lanjut Manis dalam Melaka. Dari situ ke Bangkong Chondong, Batu Serudang, kiri, mudik sampai Seri Menanti, Dato' Johol punya, ke kanan mudik sungai Seri Menanti Sungai Ujong punya.
- 11.4. Dari Bangkong Chondong, Batu Serong terus ke Danau Keroh kiri mudik Jelebu punya. Kanan mudik Sungai Ujong punya.

FASAL 12. Sebab Bernama Tempat-Tempat

- 12.1. Sebab bernama Bukit Jugra di Kuala Langat asal daripada rayat pangkat Jukrah duduk di atas Bukit dipanggil orang Jugrah.
- 12.2. Sebab bernama Tunggul Sejaga di Kuala Semon-yeh, kerana orang Bugis melanggar rayat-rayat disitu. Di pasang damar oleh orang-orang Bugis di atas tunggul tiap-tiap malam. Disumpit oleh rayat-rayat tidak padam-padam. Rayat-rayat lari kerana takut. Mashur nama tempat itu Tunggul Sejaga dan sekarang bernama Bukit Tunggul.
- 12.3. Sebab bernama Subang Hilang. Batin dan keluarga menuba Sungai Langat, anak-anak mereka bermain-main di sungai itu. Jatuh dan hilang subang anak Batin tidak dapat dicari. Dinamakan Subang Hilang letaknya diantara Rakoh dengan Kajang.

- 12.4. Sebab bernama Bukit Perhentian Rimpun, kerana tempat Batin-batin berhimpun membincangkan sesuatu hal, diantara Batin-batin dari Pahang, Kelang, Beranang dan dari tempat-tempat lain. Maka dinamakan Bukit Perhentian Rimpun.

FASAL 13. Cerita Toh Penghulu Naning.

- 13.1. Penghulu Naning asal dari Minangkabau
- 13.2. Pinjam beliong daripada raja tebang pokok buat titian, beliong jatuh dalam sungai hilang. Sungai banyak buaya. Sembah kepada raja mohon tukar ganti dengan alat lain, raja ta' setuju.
- 13.3. Adat meminjam memulangkan, tiada pinjam menghilangkan. Hutang dibayar piutang diterima.
- 13.4. Peminjam menyelam ke dalam sungai, jumpa sebuah kampung, sunyi hanya ada seorang tua. Segala hal diceritakan kepada orang tua dan minta pertolongan. Penduduk kampung itu pergi melihat anak raja kena panah - mungkin beliong itu yang mengenai anak raja itu.
- 13.5. Orang tua beri sebatang segar kepada peminjam. Segar itu boleh jadi baju dan tidak lot oleh sebarang senjata. Orang tua itu suruh kembali ke darat dan jumpa semula dengan raja. Jika raja tidak mahu ditukar ganti beliong itu maka lawanlah raja itu berperang.
- 13.6. Sampai di darat menghadap raja supaya dibenarkan ditukar ganti beliong yang hilang itu, Raja tak bersetuju - berlakulah per-

gaduhan. Kemudian peminjam itu lari dari Minangkabau pergi ke Johor menghadap Sultan.

- 13.7. Sultan Johor beri kawasan hulu Melaka, se-penjuru dalam tanah Dato' Johol. Membuka negeri disitu dan didirikan Masjid. Tempat beribadat. Suatu hari (Jumaat) bilal memukul tabuh, keluar sekumpulan "Naning" dari dalam tabuh itu tidak terhingga banyaknya menyerang/menyengat orang-orang yang ada di-masjid itu, bertempiaran lari sambil berteriak dengan kuat, 'naning, naning, maka tempat itu dinamakan NANING.

Satu pesaka orang Naning ialah baju kesaktian jadi pesaka kepada Penghulu Naning. Tebuk leher baju itu selulus buah pinang tua. Bila memilih Penghulu Naning yang baru berhimpunlah segala waris-warisan dan mencuba memakai baju itu seorang demi seorang. Sesiapa yang lulus kepalanya memakai baju sakti itu dialah yang akan dilantik menjadi Penghulu Naning.

- 13.8. Penghulu Naning hingga kepada Raja Jelebu adalah beraja ke Minangkabau. Raja-raja yang datang dari Siak datang dahulu ke-Naning kemudian baru pergi ke Seri Menanti atau ke Rembau.
- 13.9. Tahun 1831 bersamaan H. 1243 berlaku peperangan antara Penghulu Naning Dol Said dengan Kerajaan Inggeris. Naning bernaung dibawah Inggeris.

FASAL 14. Bendahara Sekudai Mengaturkan Pangkat Kepada Anak-Anaknya.

14.1. Anak Bendahara Sekudai 4 orang

Toh Kelambu atau Toh Jebat	- Lelaki
Toh Musang	- Lelaki
Toh Semerga	- Perempuan
Toh Seri Menai	- Perempuan

Toh Kelambu dijadikan Penghulu memerintah negeri kepada pihak lelaki. Pihak perempuan dijadikan Orang Besar.

Toh Semerga bergelar Seri Raja Derja (Seri Maharaja di Raja). Toh Seri Menai bergelar Andelika Mendelika.

Toh Seri Menai berkahwin dengan Perdana Ramping orang Terachi - tiada dapat anak - ambil anak angkat, gelaran Andelika Mendelika diberikan kepada anak angkat.

Toh Semerga berkahwin dengan Rambutan Jantan, Orang Aceh, dapat lima orang anak seorang lelaki, empat orang perempuan.

14.2. Mula-mula Sg. Ujong memakai adat ketemenggongan - pesaka turun kepada anak tapi kemudian ikut adat perpatih kerana berajakan ke Minangkabau.

14.3. Toh Kelambu mati digantikan oleh adiknya Toh Musang - Toh Keling anak buahnya (anak Toh Semerga) telah berpangkat Seri Haraja Derja lagi Bandar. Seorang memegang dua gelaran. Pada masa Dato' Kelana Leha jawatan itu dipecah dua (dua orang penyandang) iaitu pada masa Dato' Bandar Megat, gelaran

Seri Haraja Diraya diberikan kepada adiknya Dato' Suhor.

14.4. Waris Sungai Ujong adalah dua carak iaitu keturunan Penghulu dan keturunan Toh Semerga yang berpangkat Seri Haraja Diraja.

14.5. Undang-undang " Telur sebiji sama ditatang. Pesaka satu sama dibela. Waris yang dua iaitu waris di air dan waris di darat" Kemudian ada suku-suku yang tiga. (Suku Lembaga).

Dato' Raja di Muda	- Biduanda
Dato' Menteri	- Semelenggang
Dato' Maharaja Inda	- Batu hampar

Undang-undang " Waris tonggang waris yang dua, sayap suku yang tiga".

14.6. Waris di darat keturunan Penghulu, Waris di air, Dato' Seri Haraja di Raja. Tidak boleh sekali-kali waris di air menjadi Penghulu iaitu Dato' Kelana Putera pemerentah negeri.

14.7. Waris yang boleh menjadi Penghulu iaitu Dato' Kelana Putera ialah perut hulu keturunan Toh Kelambu dan perut hilir keturunan Toh Musang. Bergeler-geler perut hulu dengan perut hilir. Mengikut kebulatan waris antara kedua pihak.

Toh Selat anak Toh Musang berkahwin dengan Toh Mudah anak Toh Kelambu. Dua orang saudara Toh Mudah, bernama Toh Mungkal dan Toh

Derani tinggal di Beranang dan di Setol (Mantin) dipanggil tinggal bersama-sama di Pantai didudukkan di pihak perut hilir di kampung Manggis. Perut hulu dan perut hilir adalah dari satu keturunan jua. Satu lagi tempat tinggal perut hilir di-Kampung Gedang.

- 14.8. Waris diair tidak berhak menuntut pesaka Undang, hanya menjadi hak waris didarat diantara perut hulu dan perut hilir. Pangkat/Jawatan Seri Haraja Diraja menjadi hak waris diair.

Telor sebiji sama ditatang,
Pesaka satu sama dibela,
Urat tonggang waris yang dua
Kepak sayap suku yang tiga
Dato' Menteri
Dato' Raja di Muda
Dato' Maharaja Inda.

- 14.9. Undang-Undang:-

Hilang didarat di air mencarikan
hilang di air di darat mencarikan
laksana mata hitam dengan mata putih
waris di air dengan waris di darat.

FASAL 15. Penghulu Menteri Menghantar Upti

- 15.1. Penghulu Sungai Ujong menghantar upti (bunga emas) kepada Raja Johor. Berselang tahun. Diambil bijih daripada Bukit Tuan Residen dan Bukit Tuan Shikh Abdulrahman. Dipuput seperti buah-buahan dihantar kepada kerajaan Johor.

- 15.2. Berlaku perang antara Megat Seri Rama dengan kerajaan Johor. Negeri-negeri Melayu tiada lagi beraja ke Negeri Johor.

Orang-orang Cina ramai datang bekerja lombong bijih - didirikan empang daripada beremban - selalu pecah oleh air bah, di upahkan oleh orang Cina kepada orang-orang Melayu. Maka tempat itu di namakan Seremban sekarang ini.

FASAL 16. Tiada Beraja Ke Johor Sebab Perang Megat Seri Rama Dengan Sutlan Johor.

- 16.1. Megat Seri Rama dititahkan oleh Raja Johor mengawal Pulau Tujuh daripada lanun. Isteri mengandung tinggal dirumah.
- 16.2. Isteri Seri Rama mengidam buah nangka. Ada orang membawa nangka untuk raja, diambil seulas - kemudian ditutup di sembahkan kepada raja - Sultan Mahmud Shah TM. 1685 - H 1097.
- 16.3. Kesah isteri Megat mengidam di sampaikan kepada Sultan Mahmud.
- 16.4. Adat orang mengidam - anak dalam perut yang hendak makan bukan ibunya. Kesilapan orang tua yang membawa nangka tidak memohon lebih dahulu kepada sultan untuk mengambil seulas nangka.
- 16.5. Sultan titahkan panggil perempuan (Isteri Megat Seri Rama) dan dihukum suruh belah perut perempuan itu hendak lihat keadaan benarkah anak yang di dalam perut memakan nangka.

- 16.6. Titah Sultan tidak boleh dibantah. Perut perempuan dibelah dan mati. Anak di dalam memegang nangka dan sedang megecapnya, anak itu pun mati jua.
- 16.7. Megat Seri Rama balik dan mengetahui kesah isterinya dibunuh.
- 16.8. Sultan Johor berangkat bersiram dengan angkatannya.
- 16.9. Megat Seri Rama minta menjulang baginda. Pertengahan jalan Megat Seri Rama menikam baginda dengan kerisnya. Orang ramai gempar lalu amuk-mengamuk antara orang sultan dengan orang Megat Seri Rama - Tahun 1699 H. 1111.
- 16.10. Sultan Mahmud mangkat - sultan berdarah puteh mangkat dijulang. Negeri Johor diperintah oleh Megat Seri Rama bergelar Sultan Abdul Jalil Reayat Shah.
- 16.11. Isteri sultan sedang hamil, diambilnya pedang Kerajaan Johor dalam istana dan lari keluar negeri sampai ke Minangkabau - bersalin seorang putera (lelaki) setelah besar berkumpul dan bermain dengan kawan-kawan putera-putera Sultan Minangkabau. Suatu masa mencederakan anak Sultan Minangkabau. Ditanya siapa nama bapanya - tiada tahu.
- 16.12. Balik kerumah tanya kepada ibunya, siapa nama bapanya. Ibu sedih diatas kemalangan itu.
- 16.13. Ibu menceritakan segala kesah yang berlaku kepada diri mereka. Mengambil pedang yang dibawanya dari istana Johor dahulu, mem-

berikan kepada anaknya supaya dibawa kepada raja kerana di pedang itu ada tertulis nama bapanya.

- 16.14. Anak membawa pedang itu ke dalam istana dan sembahkan kepada raja. Nama Sultan Johor ada tertulis pada pedang itu. Raja pun memberi suatu tempat kepada ibunya dan tinggal dalam istana.
- 16.15. Raja memberi tahu kepada semua puteranya bahawa anak itu adalah saudara mereka, iaitu anak saudaranya Sultan Johor.
- 16.16. Berkawan baik dengan putera-putera raja dan berniat hendak menyerang Megat Seri Rama di-Johor.
- 16.17. Memohon pertolongan daripada Raja Bugis dan Raja Minangkabau - melanggar Megat Seri Rama. Megat Seri Rama kalah dan mati, rampas segala harta.
- 16.18. Orang Bugis bergaduh dengan orang Minangkabau. Berebut-rebut harta rampasan. Orang Bugis yang mati campakkan ke laut. Orang Minangkabau yang mati campakkan kedarat. Disebut orang Bugis lapuk Minangkabau busuk. Sebab pergaduhan berebut harta.
- 16.19. Sultan minta orang Bugis tinggal di Pulau Tokong dan orang Minangkabau tinggal di sini. (Johor).
- 16.20. Pergaduhan berhenti dan berdamai.
- 16.21. Orang Bugis pulang ke Bugis, orang Minangkabau pulang ke Minangkabau.

FASAL 17. Negeri Sembilan Yang Pertama Di Bawah Taalok
Kerajaan Johor

- 17.1. 1. Segamat (Muar) 6. Klang
2. Sungai Ujong 7. Pahang
3. Jelebu 8. Ladang (Inas
Johol)
4. Johol
5. Naning 9. Pasir Besar
(Hulu Muar).

FASAL 18. Mesyuarat Penghulu-Penghulu.
Masa Penghulu Chantek - Rumah Gadang

18.1. Kerajaan Johor telah bangun semula. Penghulu-penghulu yang empat bermesyuarat hendak menghantar utusan mengadap Sultan Johor. Penghulu yang empat, Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Engku Klang.

18.2. Penghulu Muar diminta menyediakan utusan ke Johor iaitu:

1. Anak buah Paduka Besar - Suku Tanah Datar
2. Anak buah Seri Maraja - Suku Mungkal
3. Anak buah Senara Muda - Suku Selemak
Minangkabau
4. Anak buah Orang Kaya - Suku Semeleng-
Bongsu. gang.

Keempat-empat suku itu ialah orang yang mula-mula membuka Seri Menanti. Keturunan daripada Minangkabau.

18.3. Utusan memohon izin kepada Penghulu Sungai Ujong dan menerima sabda untuk disembahkan kepada Sultan Johor.

18.4. Utusan berjalan dan sampai, mengadap Sultan Johor.

- 18.5. Titah Sultan Johor - suruh mengadap kepada raja Minangkabau melalui Raja Siak - sebab kuasa sudah dipulangkan kepada Minangkabau.
- 18.6. Dititahkan oleh Raja Minangkabau orang harapanya Raja Khatib pergi ke Seri Menanti dengan diiringi oleh dua orang utusan dari Semenanti. Raja Khatib berjumpa dengan Penghulu Muar, mengaku Sultan Minangkabau. Raja Khatib jadi raja sendiri di Seri Menanti.
- 18.7. Raja Khatib berkahwin dengan anak Dato' Penghulu Muar, dapat lima orang anak, dua lelaki dan tiga perempuan.

FASAL 19. Peragihan Dato' Andelika Mendelika Pantai Kepada Suku Semelenggang Empat Ibu Rembau Bergelar Andelika.

- 19.1. Masa Penghulu Chantek - pergi melihat Singapura dilanggar todak - Raja Bugis melanggar negeri Pantai berkubu dihadapan rumah Dato' Kelana Lela Setia Mohd Yusof bin Hashim, di bukit seberang sawah ada lela Bugis hingga sekarang.
- 19.2. Orang Pantai kalah lari ke Rembau. Dato' Andelika Mendelika duduk pada orang Semelenggang empat ibu
- Langgam Berbut (orang Rawa) menolong orang Pantai balik semula ke Pantai dan berperang dengan Bugis - akhirnya Bugis kalah dan lari.
- 19.3. Penghulu Chantek balik dari Singapura, beri setanggar Sembilan laras kepada Dato' Andelika Mendelika.

FASAL 20. Raja Melewar Dari Minangkabau Jadi Yang Di Pertuan Besar Dalam Masa Penghulu Yang Ke Tujuh.

- 20.1. Raja Minangkabau mengetahui perihal Raja Khatib di Seri Menanti. Pergi ke Siak lalu ke Negeri Bugis ke Negeri Rembau, ke-Pahang, menghadap Sultan Johor.
- 20.2. Raja Melawar diiringi oleh orang Siak pergi ke Melaka, ke Naning, Ke Sungai Ujong.
- 20.3. Bermesyuarat dengan Penghulu Sungai Ujong. Bawa Raja Melewar ke Seri Menanti menyerang Raja Khatib yang telah dirajakan oleh Penghulu Muar.
- 20.4. Dalam peperangan Raja Khatib kalah, lari ke Pahang. Penghulu Naam terbunuh. Raja Melewar ambil anak Penghulu Naam, dua perempuan dara.
- 20.5. Raja Melewar berangkat bersemayam di Rembau di Kg. Penajis dalam layanan Gempa Maharaja. Anak lelaki Dato' Muar menghadap Raja Melewar di Rembau bertanyakan saudara perempuannya.
- 20.6. Raja Melewar berkahwin dengan anak perempuan Dato' Muar, saudara lelakinya anak Dato' Muar diberi gelaran Seri Amar Derja dan yang kedua Raja Tewangsa.

Gelaran itu telah menjadikan Pesaka kepada suku Batu Hampar yang disebut air kaki Batu Hampar Raja di Seri Menanti asal benih daripada Dato' Penghulu Naam.

- 20.7. Raja Melewar ditabalkan jadi Yang Di Pertuan Negeri Sembilan pada tahun 1773 bersamaan dengan Hijrah 1296, dikampung Penajis, Rembau oleh Dato' Penghulu yang empat. Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Dato' Engku Kelang.
- 20.8. Penghulu yang empat mengadap dan bermesyuarat dengan Yang di Pertuan. Dalam apa jua upacara/Majlis yang akan diadakan Dato' Rembau akan menggantikan tempat Dato' Engku Kelang, sebab susah hendak datang Kelang terletak jauh dari negeri ini. Dipersetujui oleh Yang di Pertuan dan Dato'-dato' Penghulu yang bertiga lagi itu.

Mulai dari itu Dato' Rembau masuk dalam undang yang empat.

- 20.9. Yang di Pertuan bersemayam di Rembau. Kemudian beristana di Kuala Pua Rembau.

FASAL 21. Jadi Gelaran Penghulu Menteri Kurnia Dari Bendahara Melaka Dan Jadi Gelaran Dato' Kelana Putera Sungai Ujong Kurnia Dari Sultan Johor.

- 21.1. Sungai Ujong mendapat tambahan gelaran.
- 21.2. Gelaran Dato' Kelana Putera kurniaan daripada Sultan Johor pada tahun 1707 bersamaan Hijrah 1120. Satu cerita lain kurniaan daripada Yang di Pertuan Raja Melewar. Jika dibandingkan dengan fasal 20(7) tarikhnya adalah berbeza.

- 21.3. Penghulu Chantek atau Penghulu Rumah Gadang dengan orang Pantai mengadap Sultan Johor di Kota Tinggi. Sultan Johor datangkan soalan mengenai suatu perkara, tiada terjawab oleh Penghulu Chantek. Anaknya bernama Badur dapat menjawab soalan itu, lalu diangkat atau dikurniakan gelaran Kelana Putera.

Satu cerita lain gelaran Dato' Kelana Putera kurniaan Raja Melewar, masa orang Pantai mengadap di istana Kuala Pua, Rembau. Ceritanya sama.

- 21.4. Penghulu Menteri Sungai Ujong diubah gelaran kepada Dato' Kelana Putera. Pesaka berganti kepada anak. Undang boleh memakai pakaian raja seperti Raja Muda - Wakil Kerajaan. Diiktiraf sebagai Imam kepada Undang yang ketiga. Dalam aturan menabalkan Yang Di Pertuan ialah dengan kuasa Dato' Kelana Putera Sungai Ujong.

- 21.5. Erti perkataan Kelana Putera tiada dalam bahasa Minangkabau. Pastilah gelaran daripada Sultan Johor. Tiga sebab:

- i. Pelayaran Raja Melewar ke Riau ada gelaran Kelana Putera bakal Yang di Pertuan Muar bergelar daripada Raja Bugis.
- ii. Yang diPertuan tahu Penghulu Sungai Ujong berasal dari keturunan Bendahara Sekudai anak Sultan Johor.

- iii. Yang DiPertuan ditabalkan di Rembau, selepas mengalahkan Raja Khatib dan Penghulu Naam, adalah juga dengan kuasa Penghulu Sungai Ujong.

Sebatang Lembing bernama Changgai Puteri kurniaan Raja Melewar kepada Penghulu Sungai Ujong jadi alat kebesaran Dato' Kelana.

Sungai Ujong memakai adat ketemenggungan, pesaka turun kepada anak. Kemudian diubah oleh Raja Melewar kepada adat perpatih.

FASAL 22. Diubah Adat Oleh Yang DiPertuan Raja Melewar
Memakai Adat Perpatih.

- 22.1. Yang Dipertuan Raja Melewar melawat ke-Jelebu, Hilir Kenaboi, Kumpulkan dato'-dato' Penghulu dan Penduduk untuk menerangkan adat.
- 22.2. Kerapatan Penghulu-penghulu yang sambilan dan Penghulu Sg. Ujong, Jelebu dan Johol.
- 22.3. Titah Yang Dipertuan: Boleh pakai adat perpatih 'pesaka bergilir'.

Orang semenda bertempat semenda - suku berwaris. Waris yang bersukadim - keempat suku berlingkungan. Lingkungan berlembaga, Luak, berpenghulu alam beraja.

Adat Orang Semenda Bertempat Semenda.

Sakutu berbelah - seorang diagih carian kedua berbahagi harta dapatan tinggal - harta pembawa kembali. Cincang memelas - bunuh alar balas anak dipanggil makan - anak buah dialur balas.

Negeri Sembilan Yang Kedua:

- | | |
|---------------|-----------------|
| 1. Kelang | 2. Sungai Ujong |
| 3. Jelebu | 4. Seri Menanti |
| 5. Johol | 6. Inas |
| 7. Rembau | 8. Jempol |
| 9. Gemencheh. | |

FASAL 23. Pangkat Undang Negeri.

23.1. Dato' Kelana Sungai Ujong boleh pakai alat raja - warna kuning, bendera, tengkolok hitam, panji-panji dan ular-ular, senjata serba dua - mengembangkan payung kebesaran, sampian, pedang bercabut - tombak benderang kiri - kanan - alat kekuningan berterakna lima tingkat, bergunung-ganang bersilang gunting, bertabir langit-langit - alamat angkatan lima das sekali gus - juak pegawai kiri kanan seangkatan Raja Muda. Masa hari-
raya Dato'-dato' lembaga mengadap Dato' Kelana. Dato' Kelana Putera Sungai Ujong imam kepada Undang yang tiga pada hari kerajaan. Berundang berkeadilan - berteromba berselasilah.

23.2. Jelebu.

Mendika Menteri Akhirzaman Sutan Jelebu, berundang berkeadilan berlembaga.

23.3. Johol

Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan berteromba berselasilah.

23.4. Rembau.

Lela Maharaja dan Sedia Raja.

Berundang berlembaga iaitu empat penghulu negeri, benaung kerajaan Yang Dipertuan Istana di Seri Menanti.

23.5. Istana.

Penghulu yang empat meminta Penghulu Muar dan Lembaga yang empat Seri Menanti mengadakan istana di Seri Menanti.

Terachi pengganti Sg. Ujong kepada Yang DiPertuan.

Jempol pengganti Jelebu kepada yang DiPertuan.

Pilah pengganti Johol kepada yang DiPertuan.

Gunung Pasir pengganti Rembau kepada Yang DiPertuan.

23.6. (i) Penghulu Muar bergelar Setia Maharaja Lela Pahlawan iaitu anak kepada Johol. Memegang perintah undang yang empat - memelihara raja - boleh menjunjung titah dan menerima sabda daripada undang yang empat.

(ii) Naning bergelar Sotan Lela Merah - Berundang berkeadilan. Tepatan raja dari Minangkabau. Penghulu Naning lain daripada penghulu yang empat tiada berwaris kepada negeri. Hanya kurnia daripada Sultan Johor membuka Naning.

23.7. Undang yang empat tiang kerajaan negeri. Undang beraja - bertali ke Siak, berpangkalan ke Melaka.

23.8. Tanah kerjan di Rembau - Tanah Mengandung di Seri Menanti. Hilang Raja berganti raja menjemput ke Minangkabau.

23.9. Adat Anak Putera.

Sekecil-kecil anak putera sama besar dengan undang adatnya. Sekecil-kecil anak undang sama besar dengan lembaga, adatnya. Sekecil-kecil anak lembaga sama besar dengan buapak, adatnya.

23.10. Sekecil-kecil negeri tiada menolak keturunan bangsa dari mana-mana negeri - seperti undang-undang Melayu:-

Raja sedolat	-	Penghulu seindika
Orang tua seundang	-	Lembaga asa sekata
Hukum rata	-	Adat datar
Resap air ke air	-	Resap minyak ke minyak.
Salilit Pulau Percha	-	Salimbang Tanah Melayu
Beraja KeJohor	-	Bertuan ke Minangkabau.

23.11. Yang dikatakan sama besar adatnya ialah adat nikah kahwin - atau membuat alat dan jamuan, pakaian, kedudukan dalam adat.

23.12. Yang DiPertuan Muda.

Raja Melewar melantik adiknya dari Minangkabau Raja Adil menjadi Yam Tuan Muda Muar dan Rembau. Kemudian melantik Yam Tuan Muda Jelebu. Akhirnya kedua-dua negeri itu (Rembau dan Jelebu) tiada Yam Tuan Muda.

- 23.13. Yang DiPertuan Muda Raja Ali anak Raja Bugis berperang dengan Penghulu Chateh, Rembau terlibat dengan Syed Shaaban menantu ... Yang DiPertuan Raja Ali.
- 23.14. Penghulu akhir Sedia Raja Rembau telah memberikan Tampin kepada Syed Shaaban.
- 23.15. Jelevu tiada Yang DiPertuan Muda setelah mangkat Yang DiPertuan Muda Abdullah ibnialmarhum Yang DiPertuan Tengku Radin Seri Menanti. Sebab berlaku perselisihan antara adindanya Tengku Muda Chik (Kecil) dengan Penghulu Jelevu Tuan Syed Ali.
- 23.16. Bilangan Putera Dari Minangkabau

Raja Melewar
Raja Hitam
Raja Lenggang
Raja Siti.

Yang DiPertuan Siti dijemput oleh Dato'
Kelana Putera Sungai Ujong.

FASAL 24. Aturan Undang Yang Empat, Tiang Kerajaan Negeri.

- 24.1. Dato' Kelana Putera Sungai Ujong Imam, ketua Undang yang ketiga, Jelevu, Johol dan Rembau. Undang yang empat tidak membayar apa-apa hasil kepada Yang DiPertuan sejak turun temurun. Undang memerintah negeri masing-masing.
- 24.2. Ditetapkan istana Yang DiPertuan di Seri Menanti dalam pemeliharaan Penghulu Muar. dan Dato'-dato' seperti Terachi, Jempol Gunung Pasir Penghulu dalam Seri Menanti diletakkan pengganti Undang yang empat, kepada Yang DiPertuan.

- 24.3. Masa mangkat Yang DiPertuan, atau yang DiPertuan mengadakan alat dan jamu, sunat rasul, nikah kahwin, mencherchang gelanggang seharusnya diberi emas manah atau persembahan daripada perbelanjaan akan isyaratnya sahaja.
- 24.4. Hukum adat pesaka kepada waris. Hukum adat adat syarak. Hukum kerajaan atau becara 'Tikam bunuh, rambun bakar' semuanya adalah hak dan kuasa Undang Luak masing-masing, (Undang yang empat).
- 24.5. Yang DiPertuan diadakan kerana tambatan Undang-undang Kerajaan seperti perbilangan. Raja datang raja menanti, tiap-tiap negeri dengan kerajaannya. Adat berjenjang naik bertangga turun. Lembaga bersekat - Undang berkelantasan.
- 24.6. Jika ada apa-apa perselisihan adat atau aturan pesaka dalam luak undang yang tiga, Dato' Kelana Putera menyelesaikan. Jika tumbuh dalam Sungai Ujong hendaklah tersila Undang yang tiga ke Sungai Ujong menyelesaikan perkara yang tumbuh itu.

FASAL 25. Adat Aturan Sungai Ujong (Waris Undang Lembaga Dan Bandar).

- 25.1. Hutan, tanah, kayu kayan, rumput rampai, bukit bukau, waris yang punya. Mana air yang keruh, batang berasap, kinchei berpusing gua nan berdagoh, gedungnan bercukai lalu nan berpayung, waris yang punya.

25.2. Bahagian Undang.

Poh, pajak, cukai kepala, hukum yang
janggal tua adat undang yang punya.

25.3. Bahagian Shahbandar.

Ombak nan berdagang-dagar, pasir nan me-
mecah, angin nan bertiup, masuk sungai
nan besar, galah nan berdagoh, dayung nan
berdabur, perahu nan bersusun.

Kedai berjijir, gantang bertolak, cupak
berpiawai, saudagar berjual beli, dacing
galak nan berjinjing, Shahbandar nan punya.
Tetapi walaupun Shahbandar yang punya jika
dalam luak undang tumbuhnya hasil kepada
undang.

25.4. Lembaga.

Suku bertua, anakbuah berbuapak, orang
semenda bertempat semenda, cari kedua ber-
bahagi dapatan tinggal, harta mendapat
kembali, sekutu nan berbelah, seorang nan
dageh adat kepada lembaga, kusut menyelesaikan,
keruh menjernihkan.

25.5. Dagang Bertempat.

Sehelai akan putus - sebingkah tanah ter-
balik sebatang kayu rebah - beribu kepada
waris, daging darah kepada waris - hidup
mati kepada Undang.

Tiadalah lantak bertukul, emas bertakil, tanah berte bus dalam Sungai Ujong hanyalah putus adat kepada waris, putus hukum kepada undang. Undang satu waris dua di darat dan di air .

25.6. Adat Waris

Emas kahwin adat kepada waris enam ratus keturunan adat daripada Bendahara hingga kepada adat perpatih di pakai serepai, hitungan satu serepai 33 sen atau 36 sen.

Masa sekarang (1910) \$48.00 penuh. Adat persukuan 20 serepai - penuh tidak lebih \$8.00 atau masa sekarang (1910) \$24.00

Adat penuh jika bersalah-salahan, adat waris dikerat sekali kerat, dipenggal sekali penggal. Diletakkan kepada harga bahara timah jadi 4 bahara. Di Sungai Ujong sebahara \$24.00. Ditetapkan adat sudah dipenggal jadi dua bahara = \$48.00 Tidak boleh kurang daripada dua kati perak. Jika bersalah-salahan ganda.

Jika terlanggar adat kenalah mengisi adat penuh 600 serepai atau ringgit sekarang.

Emas kahwin kepada suku lembaga yang tiga (Dato' Menteri, Dato' Raja di Muda dan Dato' Maharaja Inda) ialah \$12.00/=. Jika bersalah-salahan ganda.

Dato' Mendelika dan Dato' Akhirzaman Rantau beradat sebahara = \$24/-. Jika bersalah-salahan ganda.

Dato' Seriharaja Derja waris di air mengikut seperti emas kahwin waris yang telah disebutkan.

25.7. Adat Lazim Kepada Pihak Yang Berpangkat.

Jika pihak raja, atau putera dan dato'-dato' menyemenda kepada pihak yang beradat dibawah, hendaklah mengikut adat pihak yang berpangkat membayar emas kahwin isterinya sebanyak emas kahwin pihaknya. Seperti Dato' Kelana kahwin dengan waris lembaga yang beradat sebahara hendaklah habiskan atau bayar emas kahwin dua bahara seperti emas kahwin warisnya.

25.8. Harta Undang Dan Waris Lelaki.

Harta undang dengan tiada berseorangan dengan tempat semenda. Adatnya harta dapatan tinggal kepada anak lelaki ikut hukum syarak. Harta bawaan hendaklah kembali kepada waris. Jika waris perempuan boleh memakai adat, harta carian dibahagi dua dengan orang semenda.

25.9. Harta Waris Perempuan.

Jika carian kedua laki isteri dibahagi dua, selain daripada harta mawarad kepada waris. Harta yang lain daripada harta mawarad, kepada waris mengikut mana yang wasiat daripadanya. Jika mati atau imamat harta daripada perempuan memilik kepada waris sebelah perempuan yang ada waris kadimnya.

FASAL 26. Aturan Undang Sungai Ujong Bagi Empat Lembaga
Tiang Balai Pada Undang.

26.1. Empat Lembaga Tiang Balai.

Dato' Seriharaja Derja	- Waris di Air
Dato' Mendelika	- Waris di Pantai
Dato' Amar Penghulu	- Waris Kelawang
Dato' Akhirzaman	- Waris Rantau.

26.2. Tiap Musim Dan Tahun.

Bila tiba hari baik bulan baik, Penghulu nobat raja kerjan, Lembaga berundang, Orang besar-besaran berkata, orang semenda sujud kepada Lembaga. Lembaga sujud mengadap Undang. Itulah tanda muafakat asal bumi senang padi menjadi.

26.3. Tiap-tiap tahun berhimpunlah isi negeri mengadap ke balai Undang Dato' Kelana Putera lepas dua hari, hari raya puasa ia-itu hari yang ketiga. Dato'-dato' Lembaga yang turut mengadap.

Dato' Mendelika	- Perut Dato' Seri Manai bt. B. Sekudai.
Dato' Menteri	- Suku Semelenggang
Dato' Raja di Muda	- Suku Biduanda
Dato' Maharaja Inda	- Suku Batu Hampar.

Lembaga waris yang dua perut, Dato' Johan dan Dato' Maharaja Lela.

- 26.4. Dato' Seriharaja Derja lagi Bandar, Dato' Amar Penghulu. Dato' Akhirzaman mengadap dua tahun sekali - tahun yang ketiga.

Dato' Amar Penghulu di Kelawang, masuk dalam pemerentahan Jelebu.

Pantang dalam alam - menduakan keris penyalang, pantang dalam luak - menduakan pedang mencincang, menduakan tali pengikat.

Pantang dalam Lembaga menduakan pesaka.

Pantang dalam waris

Pantang tempat semenda satu diberi dua diambil. Pantang orang semenda kepada tempat semenda sudah diberi diambil balik.

26.5. Aturan Sungai Ujong.

Tali pengikat kepada Lembaga

Pedang pemancung kepada Undang

Keris penyalang kepada keadilan - kepada

Dato' Kelana Putera (iaitu berkeadilan, berteromba berselasilah).

26.6. Pesaka Waris Yang Tiada Bergilir.

Dato' Johan Lembaga waris perut hulu.

Dato' Maharaja Lela Lembaga waris perut hilir.

Tiadalah boleh bergilir antara dua pangkat ini dengan perut yang dua itu. Asal dari dua perut Dato' Kelambu atau Toh Jebat dengan Toh Musang dua beradek.

Bagi perut hulu dinamakan Telaga Undang

sebab disitu mula-mula mendapat gelaran

Dato' Kelana Putera Bador pada tahun 1707.

Hijrah 1120. Ayahnya Penghulu Chantek atau

Penghulu Rumah Gedang perut waris hilir,

Bondanya perut waris hulu.

26.7. Telaga Undang.

Waktu hendak memegang puasa atau berbuka hari raya, jika undang tiada dalam negeri maka Dato' Johan memerentahkan memasang alamat (meriam) lima das di Telaga Undang. Tiada sesiapa waris atau orang besar atau dato' mendahului pekerjaan Undang. Sesiapa yang melanggar atau melaluinya dikenakan hukum sepenuh-penuhnya.

FASAL 27. Aturan Memilih Waris Jadi Dato' Kelana Putera Undang Sungai Ujong Dan Syaratnya.

- 27.1. Pada waktu jenazah Undang ada di Balai Undang kuasanya di pangkatkan sementara kepada Dato' Mendelika.
- 27.2. Dato' Mendelika memberi tahu dato'-dato' lembaga dan dato'-dato' beradat untuk memilih waris, dan menentukan perut hulu atau hilir yang berhak. Untuk menguruskan jenazah kerana adat bertanam undang dengan Undang menanamkan.
- 27.3. Memangku kuasa undang ialah Lembaga Tiang Balai bukan pada Dato' Mendelika. Dalam tempoh yang ditentukan jika tidak dapat kebulatan waris untuk memilih Undang daripada salah seorang daripada dua perut itu (perut hulu dan hilir). Maka berkuasalah Lembaga Tiang Balai melantik salah seorang dalam waris yang telah ditentukan hak gilirannya menjadi Undang.

27.4. Aturan Waris Pemilih.

Seorang daripada waris yang berpesaka perut hulu dan perut hilir (2) dan seorang waris yang tua umur yang berpengalaman dalam adat. Ketiga-tiga ini bermuafakat dengan sekalian waris, jika tidak dapat kebulatan maka berkuasalah waris yang bertiga itu menetapkan pilihan. Kemudian memberitahu kepada Dato' Johan dan Dato' Maharaja Lela. Di-bawa kepada Lembaga yang empat (Tiang Balai) oleh kedua-dua dato' itu berserta dengan waris yang bertiga. Dato' Lembaga menaikkan keatas usungan dan jenazah undang di-makamkan. Kemudian istiadat mengadap di-adakan.

27.5. Sungguhpun adat bergilir antara perut hulu dan perut hilir, tetapi dengan kebulatan waris boleh berturut perut dengan syarat cukup syarat pemerintah ada dan patut kepadanya.

27.6. Waris yang berumur tua masuk memilih kerana mengetahui aturan adat pesaka, bersaka dan baka. Sekurang-kurangnya baka benih dalam waris yang berhak dilantik jadi Dato' Kelana.

27.7. Lazimnya benih cucu/cicit kepada undang atau lembaga, jika tiada nisab daripada waris memerintah tiadalah boleh menjadi undang kecuali waris negeri mengikut perut sebelah ibu dan ada syarat memerintah.

27.8. Biasanya calon diangkat menjadi Undang adalah waris yang berpangkat atau waris yang terpakai kepada Penghulu atau Raja. Jika tiada berpangkat hendaklah dengan syarat dari baka baik, cerdek, manis mulut, bijak berkata-kata dan tahu pentadbiran adat dan hukum, boleh diharap oleh isi negeri.

27.9. Kebesaran - Dilengkapkan alat kebesaran diatas peterakna lima tingkat, dipasang meriam lima das. Lembaga yang empat, orang besar-besaran, juak Pegawai mengadap Undang. Lepas mengadap ditembakkan meriam lima das pula.

27.10. Syarat Yang Didahulukan:

Dilimau, dihiaskan oleh lembaga waris itu dirumah telaga. Di bawa ziarah kemakam nenek moyangnya.

FASAL 28. Pada Bahagian Seriharaja Derja Lagi Bandar
Dijadikan Dua Orang Oleh Dato' Kelana.

28.1. Dato' Kelana Leha tiada suka seorang memegang dua jawatan dalam waris di air iaitu pangkat Seriharaja Derja lagi Bandar Tiang Balai kepada Undang.

Masa Dato' Megat memegang jawatan Dato' Seriharaja Derja Lagi Bandar, maka diberikan jawatan Dato' Seriharaja Derja kepada Dato' Suhor adik Dato' Megat.

Jawatan Shahbandar menjadi pesaka kepada waris di air, Pemerintah pekan dan bandar. Dimana balai yang berjijir, perahu yang hilir mudik, saudagar berjual beli, ikutan dagang yang berpenyinggahan mengadap Undang.

Pada hari raya kedua alat kebesaran Dato' Shahbandar seperti Lembaga jua. Boleh memasang alamat empat das.

FASAL 29. Orang Linggi Di Oleh Penghulu Uban
Rembau Mengadap Dato' Kelana Putera Leha.

- 29.1. Dato' Awaluddin dan kakaknya Dato' Serilah, orang Riau duduk di Rembau, Kampung Penajis minta kebenaran daripada Dato' Rembau supaya membenarkan keturunan mereka berkahwin sepupu atau bersanak ibu. Tidak dibenarkan oleh Dato' Rembau. Dalam adat perpatih dilarang bernikah seumpama itu. Mereka nak balik ke Riau dengan membawa anak cucu mereka.
- 29.2. Penghulu Uban bawa mengadap Dato' Kelana Leha dan memaalumkan permintaan mereka itu hendak duduk di Rembau beradat sendirinya dan tidak dibenarkan oleh Dato' Rembau. Arahan Dato' Kelana letakkan di Linggi, disana "air masin tawar boleh nikah bersanak ibu atau sepupu".
- 29.3. Dato' Kelana ke Linggi beri kawasan, perenggan hilir Bukit Tiga Sungai Serban ke hulu, perenggan Kuala Selebu di darat Tampin kecil keseberang Permatang Pasir.
- 29.4. Dinyatakan aturannya "Beribu Ke Rembau, berpapa ke Sungai Ujong". Bila Dato' Kelana atau Dato' Rembau hendak hilir ke Melaka minta disediakan rakit dan apitan.

29.5. Linggi dibuka oleh Toh Lebai Dulman cucu kepada Toh Serilah dan abangnya Ali serta Haji Kassim pada Masihi 1749 Hijrah 1214. Toh Jeragam Abdullah bapa saudara kepada Toh Lebai Dulman menjadi Penghulu Linggi.

29.6. Dato' Kelana Leha isytiharkan kepada Dato'-dato' Lembaga Sungai Ujong bahawa kawasan Linggi telah diberikan kepada Dato' Awaludin dua beradik.

Penghulu Linggi sama tarafnya dengan Dato'-dato' Sungai Ujong akan tetapi adat berlainan, ia boleh bernikah bersanak ibu atau sepupu. Linggi jadi induk saudara:
Jika Dato'-dato' lembaga Sungai Ujong pergi ke Linggi kedudukannya tiada beradat begitu juga jika Penghulu Linggi datang ke Sungai Ujong tiada beradat juga kedudukannya.

29.7. Pada masa Dato' Kelana Sendeng. Penghulu Linggi bergelar Dato' Muda.

1. Penghulu Toh Lebai Dulman
2. Penghulu Toh Jeragam Abdul Rahman
3. Dato' Muda Mohamad Atas
4. Dato' Muda Hj. Mohamad Salleh
5. Dato' Muda Mohamad Peral
6. Dato' Muda Mohamad Bastan
7. Dato' Muda Hassan bin Pok
8. Dato' Muda Sayid Ahmad bin Sayid Mohamad.

FASAL 30. Toh Monkon Mengadap Dato' Kelana Leha Hendak
Membuka Labu.

- 30.1. Dato' Monkon waris di Air dibawa oleh Dato' Bandar Megat mengadap Dato' Kelana Leha minta izin hendak membuka Labu. Dibenarkan.
- 30.2. Setelah beberapa lama Toh Monkon membunuh seekor gajah yang gadingnya sebelah sahaja. Gading itu dipersembahkan kepada Dato' Kelana dan diberi pangkat gelaran di Labu Bergajah Tunggal.
- 30.3. Bila penduduk bertambah ramai di Labu, didirikan Jemaat (Sembahyang Jumaat). Pada masa Dato' Kelana Kawal mengadakan kenduri sunat rasul anaknya bergelar Toh Sotan Bendahara diadakan memecah gelanggang selama enam bulan. Toh Monkon persembahkan seekor kerbau, beras lima puluh gantang dan wang sebahara = 24 ringgit.
- 30.4. Toh Monkon menuntut janji kepada Dato' Kelana Kawal iaitu perjanjian dengan Dato' Kelana Leha menjanjikan bila penduduk telah ramai di Labu boleh mendirikan Jumaat dan boleh diberi beradat (mendirikan adat) di-situ.
- 30.5. Dato' Kelana Kawal beri pangkat bergelar Penghulu Muda pesaka waris Labu. Diberikan gelaran itu kepada Sabandai cucu kepada Toh Monkon. Diberi tombak sebatang, boleh mengembangkan payung sekaki. Masa hari raya kedua anak buah dan Lembaga suku mengadap kepadanya.

FASAL 31. Dato' Laksamana Raja Laut, Menteri Kepada Dato' Kelana Sungai Ujong.

- 31.1. Pada masa Yang DiPertuan Haji Lingga (Lenggang) putera dari Minangkabau menjadi Yang DiPertuan Di Seri Menanti, telah berangkat ke Sungai Ujong. Waktu Dato' Kelana mengadap telah menceritakan hal ehwal Sungai Ujong dan adat-adat aturan negeri kepada Yang Di Pertuan Lenggang. Antaranya di - sebut mengenai hal pesaka dari Johor kepada Bendahara yang datang ke Sungai Ujong dan pangkat Undang bagi Dato' Kelana putera wakil kerajaan adalah asalnya jawatan ~~men-~~teri kepada Bendahara sudah tiada lagi.
- 31.2. Yang DiPertuan Lenggang membenarkan Dato' Kelana Putera mewujudkan dalam waris suatu pesaka gelaran Menteri dan dipanggilkan Dato' Laksamana Raja Laut, Menteri kepada Dato' Kelana Putera Sungai Ujong iaitu bekalan (bakal) Undang.
- 31.3. Adat Kebesarannya. Bertombak sebatang dan bertunggul-tunggul hitam alamat undang. Jika berjalan darat diuraikan tombak di-dahulukan supaya diketahui orang ramai. Jika berjalan laut dinaikkan tunggul-tunggul hitam dihaluan alamat acara angkatan negeri.
- 31.4. Pesaka Dato' Laksamana Raja Laut - bolehlah digilir-gilirkan antara waris perut hulu dengan perut hilir. Tetapi sungguhpun jadi bakal Undang hendaklah kebulatan waris juga melalui muafakat.

3. Raja Nardin - (dipecat oleh Dato' Kelana S. Aman).
4. Raja Puput - (Kembali kerahmatullah)
5. Raja Hussin - (Kembali kerahmatullah)
6. Raja Haji Ahmad

FASAL 32. Kuasa Wakil Kerajaan, Dato' Kelana Putera Sungai Ujong.

- 32.1. Undang-undang di Istana Seri Menanti, Dato' Penghulu Muar yang menjaga/memegang petaruh adat. Dato' Johol menjaga Undang-undang beraja iaitu Undang Yang Empat.
- 32.2. Dato' Johol menjemput raja dari Minangkabau iaitu Tengku Hitam dan Raja Lenggang.
- 32.3. Kemangkatan yang DiPertuan Raja Lenggang diumumkan atau dimaalumkan oleh Dato' Johol kepada Dato' Kelana Putera Kawal.
- 32.4. Dato' Kelana Kawal menghantar utusan orang Rawa membawa surat kepada Raja Siak supaya menghantar seorang raja dari Minangkabau untuk dirajakan di Seri Menanti.
- 32.5. Penghulu Muar (Abd. Malek) menabalkan Tengku Radin anak Raja Lenggang menjadi Yang Di-Pertuan Seri Menanti, Dato' Kelana Kawal melanggar Penghulu Muar - lari ke Teranang Jempol.
- 32.6. Tiba pesuruh/utusan dari Minangkabau kepada Dato' Kelana bahawa Putera raja dari Minangkabau akan tiba.

32.7. Raja Siti (Sati) dari Minangkabau datang ke Sungai Ujong, dihantar oleh Dato' Kelana Kawal ke istana Seri Menanti ditabalkan jadi Yang DiPertuan.

32.8. Putus Tali Ke Siak Tiada Bantuan Ke Minangkabau.

Suatu masa Dato' Kelana Kawal ke Istana Seri Menanti menyabung ayam dengan Yang DiPertuan Sati, Dato' Kelana menang dan Yang DiPertuan suruh Tengku Kechil Muda Laut minta cukai sabung kepada Dato' Kelana 2½ sen tiap-tiap seringgit.

32.9. Dato' Kelana ambil dua karung duit sen. Serahkan kepada Tengku Kechil, tetapi diambil oleh Dato' Kelana segenggam kiri dan segenggam kanan dari kedua-dua karung itu, sambil mengatakan sila sembahkan duit ini ke bawah Duli dan berkata:- Senonjak sehelai akar yang putus sayangkan tanah terbelah.

Belum pernah waris mengisi serah hasil kepada raja, sekarang untung melambung malang menimpa rosak binasa adat pesaka waris kerana awak.

'Biarlah manis air dibungkus, lemak berulam semantong, biar berbantal banie durian. Seenggan ini naik saenggan ini turun. Tiada bertuan ke Minangkabau lalu diserakkan duit yang digenggam itu keatas pucuk beringin dipenjuru istana Yang DiPertuan Tengku Radin.

- 32.10. Duit yang dua karung itu disebarkan oleh Tengku Kechil kepada Yang DiPertuan dan memalumkan hal yang berlaku diatas kemurkaan Dato' Kelana itu.
- 32.11. Dato' Kelana berangkat ke Terachi dan menyuruh orang menjemput Dato' Penghulu Muar Bongkok yang lari ke Teranang Jempol suruh pergi mengadap Tengku Penglina Besar Raja Radin yang duduk di Bukit Talang pada masa itu. Sabda Dato' Kelana jika hendak jadi raja bolehlah langgar istana.
- 32.12. Dato' Penghulu Muar mengadap Dato' Kelana dan berpakat untuk melanggar istana. Dato' Kelana balek ke Sungai Ujong dan Dato' Penghulu Muar melanggar istana. Maka Yang DiPertuan Siti (Sati) lari ke Johol mengadu kepada Dato' Johol. Dato' Johol hantar pesuruh/utusan mengadap Dato' Kelana bertanyakan hal kelanggaran Yang DiPertuan itu.
- 32.13. Dato' Kelana memberi jawapan kepada Dato' Johol "Adapun adat Undang Johol dan Undang Sungai Ujong, jauh tidak berantara dekat tidak terkatakan, Laksana mata hitam dengan mata putih, setahun tidak berjumpa sehari tidak bercerai, siang di Semujong siang di Johol. Jika adat begitu jangan di simpan Yang DiPertuan Siti, keluarkan dia dari negeri ini. Dato' Johol menghantar Yang DiPertuan Siti bersama isterinya ke-Kampar, Siak.
- 32.14. Semenjak itu putus tali ke Siak dan tiada bertuankan ke Minangkabau bagi undang yang empat.

- 32.15. Tengku Radin Ibni Almarhum Yang DiPertuan Lenggang dilantik jadi Yang DiPertuan oleh Dato' Penghulu Muar dengan izin Dato' Kelana Putera Sungai Ujong.
- 32.16. Perselisihan berlaku antara Penghulu Anit Rembau dengan yang DiPertuan Muda Raja Ali berpunca daripada perbalahan antara nakhoda Lob orang Batu Bara dengan Dato' Muda Mohamad Attas, Linggi. Nokhoda pinangkan anak angkatnya kepada anak Dato' Muda, tidak diterima oleh Dato' Muda dan tiada betul perjanjian dibuat oleh Penghulu Rembau dengan Yang DiPertuan Muda, berlakulah peperangan Dato' Rembau dengan Yang DiPertuan Raja Muda Ali.
- 32.17. Dato' Kelana Sungai Ujong cuba hendak menyelesaikan pergaduhan/peperangan itu tetapi tidak diterima oleh Yang DiPertuan Muda.
- 32.18. Dato' Kelana berpakat dengan Dato' Penghulu Rembau mengadap Yang DiPertuan Radin jemput ke Rembau bagi menyelesaikan pergaduhan itu. Tetapi terlebih dahulu ditabalkan Yang DiPertuan Raja Radin di Rembau mengikut aturan tanah kerajaan Rembau dan tanah mengandung di Seri Menanti.
- 32.19. Selesai pertabalan berkuasalah Yang DiPertuan Radin pada adat aturan kerajaan negeri. Dengan izin Raja Radin Dato' Rembau melanggar Yang DiPertuan Raja Muda Ali - Adat melanggar Raja dengan Raja.

32.20. Raja Muda Ali keluar duduk di Lubuk China
Kemudian balik ke Rembau bermenantukan
Raja Shaaban. Akhirnya berperang juga
dengan Dato' Rembau.

Pada masa Dato' Penghulu Akir Sedia Raja
Rembau, memberi Tampin, tanah habuan Raja
Rembau kepada Sayed Shaaban.

FASAL 33. Dato' Bandar Tunggal, Masa Dato' Kelana Putera
Menjadikan Ia Bandar.

- 33.1. Peperangan Sungai Ujong dengan orang Rawa,
Yang DiPertuan Tengku Radin datang ke-
Sungai Ujong untuk mendamaikan atau mem-
berhentikan peperangan. Tidak dapat di-
selesaikan, Dato' Kelana minta pertolongan
perbelanjaan perang kepada Dato' Bandar
Lebai, waris di ayer. Dato' Bandar tidak
sanggup membantu.
- 33.2. Dato' Kelana minta pertolongan pula kepada
Dato' Manja Khatib waris di ayer. Dato'
Manja Khatib mengaku setuju menolong. Dato'
Kelana pecat Dato' Bandar Lebai dan melantik
Manja Khatib jadi Dato' Bandar di panggil
Dato' Bandar Tunggal.
- 33.3. Dato' Bandar Tunggal beri bantuan beli makan-
an (beras) dan alat perkakas. Orang Rawa
kalah dan lari. Masa itu ialah tahun 1849M.
dan Hijrah 1267.
- 33.4. Selepas itu telah teradat diantara Dato'
Kelana dengan Dato' Bandar sebarang hukuman
yang dijalankan Dato' Kelana berfakat dengan
Dato' Bandar. Denda-denda atas kesalahan
cukai seperti wang dan lain-lain di bahagi
tiga. Sebahagian untuk Dato' Kelana. Se-

bahagian untuk Dato' Bandar dan sebahagian lagi untuk juak-juak, pegawai negeri.

33.5. Hasil yang di dapati daripada perahu keluar-masuk di Linggi dan hasil-hasil lain dibahagi antara Dato' Kelana, Dato' Bandar dan Dato' Muda Linggi.

33.6. Hasil bandar dan perahu hilir mudik dan mata benda yang keluar masuk dalam Sungai Ujong dibahagi antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar.

FASAL 34. Darihal Yang DiPertuan Seri Menanti Pada Masa Dato' Kelana Sendeng.

34.1. Pada masa Yang DiPertuan Raja Radin mangkat, jenazahnya hendak dimakamkan oleh puteranya Tengku Antah. Ditahan oleh Tengku Alang Suhur ibni Almarhum Yang DiPertuan Beringin Kampung Tengah Seri Menanti. Sebab adat memakamkan Yang DiPertuan dengan Yang DiPertuan. Alang Suhur menuntut jadi Yang DiPertuan alasannya Raja negeri ini pesaka tidak turun kepada anak tetapi putera dari Minangkabau. Kedua-dua putera bersiap-siap alat peperangan. Sebab telah sambilan bulan jenazah Almarhum terlantar dalam istana tidak dimakamkan.

34.2. Dato' Kelana Sungai Ujong berangkat ke Seri Menanti lalu diangkat jenazah Almarhum dimakamkan dan dilantik Tengku Aman Raja Cholan jadi yang DiPertuan yang dipanggil adinda kepada Almarhum yang mangkat. Almarhum Yang DiPertuan Raja Lenggang.

34.3. Aturan Mengganti Yang DiPertuan.

Telah menjadi aturan untuk memilih putera hendak dijadikan Yang DiPertuan', apabila mangkat Yang DiPertuan Penghulu Muar menyampaikan berita itu kepada Dato' Johol dengan adatnya. Dato' Johol datang ke-Seri Menanti duduk di istana. Menyuruh Dato' Lembaga daripada Yang Empat Muar pergi mengadap Dato' Kelana Sungai Ujong, dengan adatnya memaalumkan Yang DiPertuan telah mangkat.

34.4. Dato' Kelana datang ke Seri Menanti. Dato' Johol memaalumkan kepada Dato' Kelana perihal kerajaan Yang DiPertuan yang didalam pegangan Dato' Johol. Dato' Kelana meminta kepada Lembaga Yang Empat dalam istana, iaitu Seri Amar Deraja, Raja Tewangsa, Penghulu Dagang dan Akhirzaman calon putera Yang DiPertuan.

Dato' Kelana muafakat dengan Dato' Johol memilih putera Yang DiPertuan untuk dilantik jadi Yang DiPertuan. Kemudian Dato' Kelana meminta Penghulu Muar mengatitkan majlis menabalkan yang DiPertuan. Ditabalkan oleh Dato' Kelana Putera Sungai Ujong.

34.5. Putera yang dipilih itu tidaklah ditentukan tumpuan jenazah ayahandanya, tetapi dipilih diantara putera-putera Almarhum mana-mana yang ijtihad. Layak menyandang kerajaan menjunjung mahkota, dan hendaklah putera daripada Tengku Puan atau Encik Puan.

- 34.6. Aturan yang boleh menjadi Encik Puan daripada suku Batu Hampar kerana imanat Almarhum Yang DiPertuan Raja Melewar yang pertama tersebut kesahnya.

FASAL 35. Jajahan Sungai Ujong Yang Termasuk Kepada Kerajaan Selangor, Kajang, Rakoh, Semonyeh Dan Beranang.

- 35.1. Sempadan antara Dato' Kelana Putera dengan Dato' Engku Kelang iaitu Batang Langat kanan mudik Dato' Kelana punya, kiri mudik Dato' Engku Kelang punya.

- 35.2. Kelang adalah hak Yang DiPertuan Sultan Abdul Samad beristana di Bukit Jugra di Kuala Langat.

Orang dagang ramai duduk di Kajang dengan kebenaran Sultan Abdul Samad. Semonyeh diduduki oleh orang Rawa ketuanya Mendika Malim. Pada masa orang Rawa hendak menghadap Dato' Kelana diserang oleh orang/waris Sungai Ujong.

- 35.3. Semonyeh dibuka oleh Raja Hussin waris Sungai Ujong dengan menantunya Tengku Sotan Rawa. Kemudian Semonyeh diberikan oleh Dato' Kelana Sendeng kepada Tengku Sotan Rawa. Penduduk Semonyeh bertambah-tambah ramai, hasil bijih timah banyak dikeluarkan.

- 35.4. Dato' Kelana Syed Aman sebelah pihak ayahnya Tengku Ahmad membuka Rakoh dan Tengku Kahar putera Sultan Abd. Samad duduk di Kajang. Apabila kerajaan Inggeris masuk campur pemerintah negeri-negeri Melayu. Maka Kajang, Rakoh dan Semonyeh menjadi milik/masuk dalam Selangor. Sebelum itu masuk dalam Sungai Ujong. Ini disebabkan kelalaian dan kealpaan

waris Sungai Ujong, dan kelemahan serta ketidak upaya Raja Hussin menuntut haknya.

- 35.5. Tahun 1878 Raja Hussin membuka Beranang dan pada tahun 1883, Beranang menjadi milik kepada Kuala Selangor (Kuala Langat) yang ditentukan sempadan perbatasan negeri oleh kerajaan Inggeris pada tahun 1885.

FASAL 36. Perang Sungai Ujong Dengan Dato' Bandar Dan Dengan Seri Menanti.

- 36.1. Perselisihan berlaku antara Dato' Kelana Syed Aman dengan Dato' Bandar Tunggal. Berlaku peperangan Sungai Ujong pada tahun 1873 berpunca Dato' Bandar Tunggal tidak membenarkan Dato' Kelana Syed Aman menaikan bendera kerajaan Inggeris di Sungai Ujong.
- 36.2. Dato' Kelana Syed Aman menjadikan Dato' Ahmad bin Ali di Kampong Pantai untuk pengganti Dato' Bandar Tunggal.
- 36.3. Dato' Kelana Syed Aman meminta pertolongan daripada kerajaan Inggeris bagi menyelesaikan peperangan. Dato' Bandar Tunggal alah perang dan pergi ke Singapura. Gavenor negeri-negeri Selat beri pertolongan permakanan kepada Dato' Bandar Tunggal.
- 36.4. Sungai Ujong berperang dengan Seri Menanti Yang DiPertuan Tengku Antah alah perang dan lari ke Johor.
- 36.5. Sultan Johor (Abu Bakar) dengan pertolongan kerajaan Inggeris menentukan sempadan Sungai Ujang dengan Seri Menanti iaitu Bukit Putus. Ditetapkan Yang DiPertuan Antah dalam Seri Menanti. Kemudian Seri Menanti dan Rembau masuk dalam pemerentahan kerajaan Inggeris. Tuan Martin Lister.

FASAL 37. Negeri Sembilan Yang Ketiga Jadi Yang Keempat Kali

37.1. Martin Lister memerintah Seri Menanti, Johol Tampin dan Rembau, membubuh nama Negeri Sembilan beserta dengan Terachi, Gunung Pasir, Inas dan Gemencheh iaitu diadakan Beritish Resident Negeri Sembilan.

37.2. Tahun 1894 Martin Lister menjadi Residen Sungai ujong dan Jelebu iaitu dibawah pemerintahan Beritish Residen Negeri Sembilan.

37.3. Tuan E.W. Birch pemangku British Residen Negeri Sembilan pada masa Martin Lister ber-cuti ke Eropah kerana sakit.

Tuan E.W. Birch hendak jadikan yang Di-Pertuan Negeri Sembilan hanya menjadi Yang DiPertuan Seri Menanti sahaja seperti dahulu kala.

37.4. Waris-waris Sungai Ujong enggan menerima kehendak Residen itu kerana telah ditetapkan pemerintahannya dibawah naungan kerajaan Inggeris dengan pertolongan seorang British Residen.

37.5. Bulan April 1890 Raja Aman bin Raja Hussin mengadap Dato' Kelana Putera memberitahu kehendak Rasiden supaya Yang DiPertuan ditabalkan, waris-waris, Lembaga dan Orang-orang Besar Dato' Kelana bermesyuarat ber-setuju menabalkan yang DiPertuan. Dato' Kelana angkat berangkat ke istana untuk menabalkan Yang DiPertuan

- 37.6. Diaturkan istiadat mempersilakan Undang Yang Empat ke istana dengan Lembaga Yang Empat Muar, 1. Paduka Besar, 2. Seriharaja 3. Senara Muda dan 4. Orang Kaya Bongsu, Lembaga Muda Terachi pergi ke Sungai Ujong mempersilakan Dato' kelana Putera dan Dato' Bandar ke Seri Menanti.
- 37.7. Undang Yang Empat berserta dengan Yang Di-Pertuan menandatangani suatu perjanjian adat aturan Yang DiPertuan dengan Undang Yang Empat diatas perkara-perkara yang telah ditetapkan dalam perjanjian itu.
- i) Undang Yang Empat mengaku mengukuh aturan dahulu kala.
 - ii) Suka/(bersetuju) menabalkan Yang Di-Pertuan.
 - iii) Tidak boleh campur tangan pemerentahan masing-masing, samaada adat atau syarak.
 - iv) Tidak akan menerima sebarang aduan daripada luak masing-masing.
 - v) Undang tidak mengadap kepada Yang DiPertuan.
 - vi) Jika mangkat yang DiPertuan Undang boleh memberi emas amanah daripada wang kerajaan negeri.
 - vii) Hendaklah Undang Yang Empat memilih Putera Yang DiPertuan menggantikan Yang DiPertuan yang mangkat.

37.8. Setelah selesai perjanjian ditandatangani pada keesokan harinya Dato' Kelana Sungai Ujong menabalkan Tengku Muhammad ibni Al' marhum Yang DiPertuan Antah Seri Menanti menjadi yang DiPertuan Negeri Sembilan.

Diadakan istiadat menyembah oleh Dato'-dato' Undang dan Dato'-dato' Lembaga. Mengikut aturan yang telah digezetkan tahun 1898.

Tengku Muhammad ditabalkan jadi Yang DiPertuan Negeri Sembilan pada 7 Mei 1898 Hijrah 15 Zulhijjah 1315.

FASAL 38. Perihal Keadaan Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan asalnya beraja ke Seri Menanti, tiap-tiap Luak (Negeri) ada Undang yang memerintah negeri masing-masing. Zaman Yang DiPertuan Antah, Undang yang Empat kecuali Dato' Johol tidak mahu lagi beraja ke Seri Menanti. Mereka memerintah negeri masing-masing dan Yang DiPertuan memerintah Seri Menanti.

Sungai Ujong bernaung kepada Kerajaan Inggeris begitu juga luak-luak yang lain.

Pada masa Martin Lister jadi Residen berusaha hendak satukan semula negeri-negeri (luak) itu tetapi tidak berjaya.

Pada masa Yang DiPertuan Muhammad dapat disatukan semula dengan usaha E.W. Birch. Beritish Residen Sungai Ujong. Tengku Muhammad ditabalkan jadi Yang DiPertuan Negeri Sembilan dengan persetujuan Undang Yang Empat.

Aturan Menabalkan Yang DiPertuan Negeri
Sembilan.

- 38.1. Tengku Besar memanggil Dato' Muar, Dato' Terachi, Dato' Jempol, Dato' Gunung Pasir memberi tahu Dato'-dato' ini hendak memilih (Menabalkan) Yang DiPertuan.
- 38.2. Dato' Muar mengarahkan empat Lembaga dalam Muar menjemput/mempersilakan Undang Yang Empat.
- 38.3. Paduka Besar dan Raja diMuda pergi ke Pantai berjumpa Dato' Mendelika kemudian berjumpa Dato' Laksamana dan Dato' Laksamana mempersembahkan kepada Dato' Kelana dan mempersilakan Dato' Kelana dan Dato' Bandar ke-Seri Menanti.

Rombongan Dato' Kelana dengan juak-juak dan pengiringnya berangkat ke Seri Menanti, singgah dan bermalam semalam di Terachi, dilayani oleh Raja diMuda. Paduka Besar terus balik ke Seri Menanti melaporkan kepada Dato' Muar keesokannya Dato' Kelana dan rombongannya bertolak ke Seri Menanti.

- 38.4. Lela Raja (Lembaga Jempol) memberitahu Lang Puteh untuk mempersilakan Dato' Jelevu ke Seri Menanti. Lang Puteh menghadap Dato' Jelevu. Dato' Jelevu dengan lembaga dan pengiring-pengiringnya bertolak ke Seri Menanti, singgah di Batu Kikir. Kemudian berangkat ke Seri Menanti.

- 38.5. Seri Maharaja dan Andika (Pegawai telapakan Cheryu) mempersilakan Dato' Johol ke Seri Menanti - Berhenti di Cheryu. Seri Maharaja terus ke Seri Menanti lapurkan kepada Dato' Muar, Andika melayani Dato' Johol. Bertolak ke Seri Menanti.
- 38.6. Senara Muda dengan Paduka Seri Maharaja (Lembaga Gunung Pasir) pergi ke Rembau mempersilakan Dato' Rembau ke Seri Menanti. Singgah di Gunung Pasir. Senara Muda terus ke Seri menanti, Paduka Seri Maharaja melayani Dato' Rembau. Bertolak ke Seri Menanti.
- 38.7. Angkir Bongsu (Orang kaya Bongsu - Lembaga Muar) menanti di istana.
- 38.8. Dato' Kelana (Maamur bin Kassim) didudukkan di Kampong Selemak. Dato' Jelebu (Syed Ali bin Syed Zin) dudukkan di Kampong Bayu. Dato' Johol (Heto bin Puteh) dudukkan di Kampong Bukit. Dato' Rembau (Serom bin Sidin) dudukkan di Bukit Tempurung.
- 38.9. Setelah Undang yang Empat mustaed tempat tinggal mereka maka Dato' Baginda Maharaja (Kepada Lembaga Muar) mengadap Undang Yang Empat menentukan/memberitahu hari diadakan kerja pertabalan.
- 38.10. Hari pertabalan Dato' Muar memanggil/mengarahkan empat lembaga iaitu, Lembaga Terachi, Lembaga Jempol, Lembaga Telapakan Cheryu dan Lembaga Gunung Pasir mempersilakan Undang Yang Empat ke balai masing-masing yang telah disediakan.

- 38.11. Lembaga Terachi mempersilakan Dato' Kelana ke Balai Melintang. Lembaga Jempol mempersilakan Dato' Jelevu ke Balai Serong. Lembaga Telapak Cheryu mempersilakan Dato' Johol ke Balai Bertingkat dan Lembaga Gunung Pasir mempersilakan Dato' Rembau ke Balai Panjang.
- 38.12. Di Balai Penghadapan diatuhkan oleh Dato' Bentara tempat duduk Tengku Puan disebelah kiri singgahsana dengan sekelian para putera dari daerah, negeri yang lain. Juak-juak tiga di kanan dan tiga di kiri singgahsana.
- 38.13. Orang Empat dalam istana, Seri Amar Derja, Raja Tewangsa, Penghulu Dagang dan Akhir-zaman mengambil tilam kekuning-kuningan diletakkan di atas singgahsana tempat bersemayam. Orang (Lembaga) Yang Empat masuk ke dalam istana mempersilakan Yang DiPertuan berangkat keluar dengan payung kuning dan alat kebesaran duduk bersemayam di atas singgahsana Takhta Kerajaan.
- 38.14. Lembaga Empat dalam istana memberitahu Lembaga Muar Yang Empat (1) Paduka Besar, (2) Seri Maharaja (3) Senara Muda (4) Anki Bongsu mempersilakan Undang Yang Empat ke-Balai Penghadapan - Serta dipersilakan Tengku Sayid Dewa Tampin, Dato' Muar, Dato' Terachi, Dato' Jempol, Dato' Gunung Pasir, Dato' Inas, Dato' Gemencheh, Dato' Linggi. Semuanya itu diatur duduk masing-masing mengikut tarafnya.

- 38.15. Apabila siap semuanya maka Dato' Kelana Putera bangun dan bersabda kepada Bentara supaya istiharkan kepada orang ramai bahawa Undang berempat mentabalkan Yang DiPertuan Tengku Muhammad ibni Almarhum Yang DiPertuan Tengku Antah naik Kerajaan Negeri Sembilan
- 38.16. Bentara bangun dengan cara beradat dan beradab menyeru dengan suara yang nyaring mengistiharkan bahawa Undang Yang Empat telah tabalkan Tengku Mohammad jadi Yang DiPertuan Negeri Sembilan. Sekelian yang hadir menjawab " Daulat Tuanku," berturut-turut tiga kali.
- 38.17. Ucapan daripada British Residen.
- 38.18. Istiadat mengadap dan menyembah daripada:-
- i) Dato' Kelana Putera Maamor bin Kassim dan Dato' Bandar Hj. Ahmad b. Hj. Ali Sungai Ujong.
 - ii) Dato' Mendika Menteri Akhirzaman - Syed Ali bin Syed Zin - Jelevu
 - iii) Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan - Heto bin Puteh - Johol
 - iv) Dato' Sedia Raja - Serom bin Bidin - Rembau.
- 38.19. Dato' Muar menjunjung Duli - sujud tiga kali lepas itu Dato' Terachi, Dato' Jempol, Dato' Gunung Pasir, Dato' Inas dan Dato' Muda Linggi.

- 38.20. Giliran Lembaga Sungai Ujong 6 orang menjunjung Duli. Dato' Mendelika, Dato' Raja, Dato' Akhirzaman, Dato' Menteri, Dato' Maharaja Inda, Dato' Raja diMuda.
Lepas itu Lembaga Rembau lapan orang iaitu empat lembaga di darat dan empat lembaga di baruh.
- 38.21. Undang Yang Empat serta Dato'-dato' balik ke Balai masing-masing.
- 38.22. Anak-anak raja pula menjunjung duli.
- 38.23. Waris Sungai Ujong enam orang naik semula menjunjung duli diikuti oleh waris Jelevu dan waris Johol.
- 38.24. Dipersilakan naik Penghulu Yang Empat menjunjung duli semula, Sg. Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau.
- 38.25. Kadzi membaca doa selamat.
- 38.26. Yang DiPertuan berangkat ke dalam istana.
- 38.27. Keesokan harinya diadakan Majlis jamuan yang besar, Yang DiPertuan memberi ucapan dalam majlis itu.

Ucapan Undang Yang Empat

Ucapan Beritish Residen E.W. Birch.

FASAL 39. Selasilah Waris Yang Boleh Menerima Pesaka Dato'
Kelana, Bagi Negeri Sungai Ujong.

- 39.1. Waris negeri yang boleh menjadi Dato'
Kelana Putera Sungai Ujong daripada Dato'
Kelana (1) Bador ibni Dato' Penghulu Chantek
atau Penghulu Rumah Gadang berjawat kepada
Dato' Kelana (2) Leha.

Waris daripada nisab awal keturunan daripada
Dato' Jebat atau Dato' Kelambu yang bernama
Muhamad Tumbu dengan adiknya Penghulu Dato'
Musang dua pihak waris negeri Perut Hulu dan
Perut Hilir.

- (i) Perut Hulu kekal pangkat Dato' Johan
- (ii) Perut Hilir kekal pangkat Dato' Maha-
raja Lela.

Kedua-dua waris ini boleh jadi Dato' Kelana.

Perut Hulu

Perut Hilir

Dt. Kelana Leha (2)

Dt. kelana Baki (3)


Dt. Kelana Kawal (4)

Dt. Kelana Sendeng (5)

Rajah selasilah :.....


- 39.2. Waris Hilir Kampung Gedang.

Toh Puru Suami Toh Sambut



Rajah selasilah

39.3. Waris Hilir Kampung Manggis



Rajah selasilah

FASAL 40. Waris Selasilah Yang Tidak Boleh Jadi Dato' Kelana Bagi Negeri Sungai Ujong.

40.1. Waris Hulu Perut Dato' Johan
Waris Hilir Perut Dato' Maharaja Lela.

40.2. Pada Perut Hulu - Dato' Alon Tujuh
dan Nenek Jenang.

Pada Perut Hilir - Dato' Ambut

FASAL 41. Dato' Akhirzaman 'Rantau' Lembaga Jadi Tiang Balai Kepada Dato' Kelana Putera Sungai Ujong.

41.1. Anak Batin Langgang Setur - perempuan kahwin dengan Dato' di Pantai diberi pangkat gelarnya Dato' Akhirzaman. Jadi Lembaga Tiang Balai kepada Dato' Kelana.

Pada mulanya satu perut, kemudian jadi empat perut:

Perut pertama - Dato' Akhirzaman Pasar

Perut pertama - Dato' Akhirzaman Ranjau

Perut pertama - Dato' Akhirzaman Bongkok

Perut pertama - Dato' Akhirzaman Kahar

Perut pertama - Dato' Akhirzaman Lajim

Perut pertama - Dato' Akhirzaman Miin
Perut kedua - Dato' Akhirzaman Simbok
Perut ketiga - Dato' Akhirzaman Jamat
Perut keempat - Dato' Akhirzaman

FASAL 42. Lembaga Yang Tiga Di Pantai.

- 42.1. (i) Dato' Menteri Suku Semelenggang
(ii) Dato' Raja di Muda suku Biduanda
(iii) Dato' Maharaja Inda suku Batu Hampar

Ketiga Lembaga ini dibawah Dato' Mendelika.
Jika ada perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan dalam sukunya hendaklah disampaikan kepada Dato' Mendelika.

LEMBAGA.

42.1.1. Nasab kepada Dato' Menteri suku Semelenggang berasal daripada Dato' Alon Tujuh. Dato' Alon Tujuh seorang berpangkat daripada pihak kerajaan Johor. Masa di Johor isteri Alon Tujuh jadi anak angkat kepada Sultan Johor.

42.1.2. Suatu hari putera sultan datang kerumah Dato' Alon Tujuh. Suruhan sultan mencari puteranya di rumah Alon Tujuh, Kata isterinya tidak ada.

Beberapa hari kemudian berbau busuk dirumah Alon Tujuh didapati putera Sultan mati didalam kepok nyalai di rumahnya.

42.1.3. Di atas kepok nyalai itu ada pisang orang tergantung dipanjatnya kepok itu jatuh kedalam kepok nyalai dan mati disitu putera sultan.

42.1.4. Isteri Dato' Alon Tujuh dihukum oleh Sultan dibuang negeri, disediakan sebuah perahu dilengkapi dengan bekalan makanan dan dihantarkan kelaut - dalam pelayarannya sampai ke Tanjung Tuan - Berjumpa dengan rayat (orang asli) diikutnya rayat itu ke Kenaboi Jelevu.

42.1.5. Dato' Alon Tujuh keluar belayar sampai ke Pangkalan Dian Linggi, berjual garam bertukar barang dengan rayat tudong berdabong emas, diketahui oleh Dato' Alon Tujuh, tudong berdabong emas itu ialah kepunyaan isterinya. Disiasatnya diikutnya rayat itu ke Kenaboi.

42.1.6. Dato' Alon Tujuh berjumpa dengan isterinya di bawanya ke Pantai - Dengan isterinya tidak ada mendapat anak.

42.1.7. Keturunan Dato' Menteri daripada Dato' Kopik pangkat cucu kepada Dato' Alon Tujuh isteri kepada Dato' Dagang Kanchil duduk di Kampung Penal dapat tiga orang anak perempuan.

Dato' Mungkal - duduk di kampung Kuala Jelang.

Dato' Piam - duduk di kampung Empang

Dato' Sudai - duduk di kampung Penar

42.1.8 Pada mulanya Dato' Menteri Suku Melenggang bergelar Dato' Umbi, kemudian ditukar oleh Dato' Kelana jadi Dato' Menteri.

Nasab pada Dato' Alon Tujuh diberi gelaran Imam Perang Kanan menjadi juak kepada Dato' Kelana Putera. Jika di kampung berpangkat Buapak di bawah Dato' Johan.

42.1.9. Dato' Alon Tujuh suami isteri meminta tanah kepada Dato' Penghulu Selat - diberikan tanah waris hulu. Tiada beranak ambil anak angkat orang Jempul suku Batu Hampar. Mendapat permakanaan (elaun) dari negeri sebanyak \$/- tiap-tiap bulan.

42.2. Lembaga Dato' Raja Di Muda Suku Biduanda

42.2.1. Dato' Batin Maabod yang telah membuka pantai tiada beranak. Di ambil anak angkat dipanggil Dato' Hitam duduk di kampung Bemban dan berkahwin dengan Dato' Sotan Tanah (Waris tiga batu) dapat anak dua orang perempuan.

- (i) Dato' Nachi duduk di Kg. Sg. Bemban.
- (ii) Dato' Puteh duduk di Kg. Tanjung Petai

42.2.2. Maka diletak suku itu kepada Biduanda kerana nasab daripada Batin Maabod. Apabila suku ini telah ramai orangnya diwujudkan dalam suku itu gelaran Langgam Berbut, pesaka daripada orang Rawa yang telah menolong Pantai dilanggar oleh Bugis seperti yang diceritakan terdahulu.

Kemudian Dato' Kelana adakan pula gelaran Singa pada kampung perut Tanjung Petai menjadi juak kepada Dato' Kelana.

42.2.3. Pada masa Dato' Kelana Kawal diberi pangkat gelaran antara kedua perut Sungai Bemban dan Tanjong Petai dengan gelaran Raja di Muda menjadi Lembaga dalam suku Biduanda.

42.3. Lembaga Dato' Maharaja Inda Suku Batu Hampar.

42.3.1. Seorang Lebai orang Pasi (Pasai) dipelihara oleh Sultan Johor namanya Gemaboh jadi Khatib Raja dan mudin sukunya Batu Hampar.

42.3.2. Khatib Raja ini dititahkan oleh sultan Johor melawati negeri-negeri sebelah sini kerana ramai rayat-rayat (orang asli) belum Islam diusahakan supaya masuk Islam.

42.3.3. Khatib belayar dari Johor ke Kuala Pahang, ke Punjum sampai ke Jelevu, mengajar agama Islam dan khatankan. Mendirikan Masjid Kuala Dulang, Jelevu. Berkahwin dengan perempuan yang dipanggil Dato' Temud di-kampung itu - Berpindah ke Pantai, Sungai Ujong mendapatkan Batin Maabod yang membuka Pantai.

42.3.4. Batin Maabod memberi tempat kediaman bernama Dusun, kemudian dipindahkan ke kampung Tinggi iaitu sama tengah antara Hulu dengan Hilir. Tetap disitu mengajar agama. Dapat anak seorang perempuan bernama Dato' Setanggi. Pindah ke kampung Rendah dapat seorang anak perempuan bernama Dato' Serendah.

42.3.5. Penghulu Sungai Ujong memberi gelaran Dato' Fikir jadi Buapak suku Batu Hampar. Apabila telah ramai penduduk - ramai anak cucunya berpindah ke kampung Denai dan dapat dua orang

- (i) Dato' Suri anak Dato' Setanggi
- (ii) Dato' Johari anak Dato' Serendah.

Dato' Suri duduk sebelah darat dan Dato' Johari duduk sebelah baruh.

42.3.6. Dato' Kelana Putera telah memberi gelaran Dato' Maharaja Inda Lembaga kepada suku Batu Hampar, menjadi pesaka kepada dua pihak darat dan baruh.

Mereka yang telah menjadi Maharaja Inda.

<u>Darat</u>	<u>Baruh</u>
Kajar	Kadrat
Shah	Jati

42.3.7. Lagi jadi Maharaja Inda perut Darat bernama Gudoh dani daripada baruh bernama Daud.

<u>Darat</u>	<u>Baruh</u>
Nasab daripada Suri	Nasab daripada Johari
(i) Renut	(i) Goring
(ii) Buntan	(ii) Lempah

42.3.8. Sekarang daripada dua perut telah jadi empat boleh menerima gelaran jadi Dato' Maharaja Inda.

42.4. Fasal Giliran Lembaga.

Dato' Seri Haraja Derja waris di ayer empat perut. Lima dengan Dato' Keling yang telah memegang jawatan Seri Haraja Derja lagi Bandar. Saudaranya empat orang perempuan.

Perut No. 1 Toh Sulong (Toh Hitam)
Perut No. 2 Toh Susu Tunggal (Toh Leminyak)
Perut No. 3. Toh Susu Ganda (Toh Nerasau)
Perut No. 4. Toh Susu Dara (Toh Degol)

42.5. Giliran Dato' Mendelika.

Empat Perut:

- (i) Perut No. 1 Toh Anai (Kg. Bukit)
Dato' Mendelika Gentam
- (ii) Perut No. 2 Toh Rentas (Kg. Kuala
Jerlang)
Dato' Mendelika Mohd.
Rashid.
- (iii) Perut No. 3 Toh Suri (Kg. Air Panas)
Dato' Mendelika Milam
- (iv) Perut No. 4. Toh Ramah (Kg. Jeboi)
Dato' Mendelika Syed
Jonid).

42.6. Giliran Dato' Akhirzaman Rantau.

Empat Perut:

- Perut No. 1 Toh Lenggang Setur
Dato' Akhirzaman Main
- Perut No. 2. Toh Ruti bt. Said
Dato' Akhirzaman Simbok
- Perut No. 3 Toh Nyai bt. Teras
Dato' Akhirzaman Jaamat
- Perut No. 4. Toh Rentah - Kg. Kanchung
Dato' Akhirzaman H. Yassin

42.7. Giliran Dato' Menteri Suku Semelenggang.

Tiga Perut:

Perut No. 1 - Toh Mungkal - Kg. Kuala
Jerlang Sg. Budu.

Dato' Menteri Hj. Judin

Perut No. 2 - Toh Piatu - Kg, Ampang.

1. Dato' Menteri Usul

2. Dato' Menteri Said

3. Dato' Menteri Ali

4. Dato' Menteri Kassim

Perut No. 3 - Toh Sundai - Kg. Penal

Dato' Menteri Sumpeh.

42.8. Giliran Dato' Raja Di Muda Suku Biduanda

Lapan Perut:

Perut No. 1 - Perut Kg. Sungai Bemban-
TOH KUNDANG.

Dato' Raja di Muda Kulup
Laboh.

Perut No. 1 - Perut Kg. Tanjung Petai -
TOH ANDIN

Perut No. 2 - TOH IAN - Dato' Raja di Muda
Pendeta.

Perut No. 2 - TOH INDANG - Dato' Raja
di Muda Mohd Salleh.

Perut No. 3 - TOH PILANG -

Perut No. 3 - TOH JEBAT - Dato' Raja
di Muda Butang.

Perut No. 4 - TOH SIMPIN MUNTUT -

Perut No. 4 - TOH RIFIN -

42.9. Giliran Dato' Maharaja Inda - Suku Batu
Hampar. Empat Perut:

Perut No. 1 - TOH RUNUT - Kg. Denai (Daraat)
Dato' Maharaja Inda Gudoh

Perut No. 1 - TOH NUNGKI - Kg. Sungai
Bemban (Baroh)
Dato' Maharaja Inda Chepat
Daud.

Perut No. 2 - TOH BUATAN -

Perut No. 2 - TOH LEMPAH - Dato' Maharaja
Inda Main.

42.10. Giliran Penghulu Muda (Muda Labu) Waris
Di Ayer Dua Perut.

Perut No. 1 - Toh Monkon
Pengkulu Muda Yang Pertama.
Sendaya Siadil Hj. A. Rahman
1. Siasan
2. Tapa
3. Lihim
4. Siain
5. Sulaiman b. Khatib Musa

Perut No. 2 - TOH WI
Berpangkat Peduka Besar di-
bawah Penghulu Muda boleh
menerima jawatan Penghulu Muda.

42.11. Waris Selasilah Yang Berpangkat Dato' Datar

Di Mukim Setur (Setol) berpangkat Dato'
Datar daripada keturunan Toh Sapil yang
mula membuka-belah Mukim Setur - Satu
perut sahaja.

42.12. Berpangkat Lela Perkasa - Mukim Mendom.

Empat Perut:

Perut No. 1 - Batin Kamat - 3 saudara

- (i) Tongkat
- (ii) Dayu
- (iii) Dayun

Perut No. 2 - Singa Maharaja

- (i) Tiga
- (ii) Si Ambut
- (iii) Rampat

Perut No. 3 - (i) Puput

- (ii) Runah
- (iii) Riba

Perut No. 4 - (i) Ruduu

- (ii) Nilam.

FASAL 43. Pegawai Kepada Dato' Kelana Sungai Ujong

43.1. Bergelar Dato' Laksamana Raja bakal Undang Kelana Putera.

43.2. Pegawai-Pegawai jadi Juak kepada Dato' Kelana.

- | | |
|----------------------|-------------------|
| 1. Sotan Bendahara | 8. Panglima Mamat |
| 2. Juangsa | 9. Meraja Singa |
| 3. Meraja | 10. Meraja |
| 4. Langgam Berebut | 11. Panglima Awan |
| 5. Imam Perang Kanan | 12. Chinchang |
| 6. Imam Perang Kiri | 13. Panglima Awam |
| 7. Panglima Besar | 14. Panglima Jaya |

43.3. Dato'-dato' Mengadap - Menyembah Dato'
Kelana Putera Musim Dan Tahun.

1. Dato' Seriharaja Derja Waris di ayer
2. Dato' Bandar diiringi oleh
Pegawai dan Buapak.
3. Dato' Akhirzaman - Rantau
4. Dato' Mendelika - Rantau

Lembaga Waris Pantai:

1. Dato' Johan - Perut Hulu
2. Dato' Maharaja Lela - Perut Hilir
3. Dato' Menteri - Suku Semelenggang
4. Dato' Raja di Muda - Suku Biduanda
5. Dato' Maharaja Inda - Suku Batu Hampar
6. Dato' Dagang Perwi (Paroi)

FASAL 44. Alat Jamu Adatnya.

44.1. Pekerjaan nikah kahwin dan sunat rasul di-
balai undang.

Diaturkan alat kebesaran dan dipasang meriam
lima das.

Alat senjata dicabut serba dua - dihalaman
Peterakna - bertabir, berlangit-langit,
Gunung berangkat - sawa mengampai,
Silang gunting, sampaian empat dan
tiang rumah berbalut kain.

44.2. Di serambi hujung dan pangkal seperti di-
atas (44.1.)

- 44.3. Menyelampai tetapan dihadapan Peterakna waktu berinai.
Juak memegang senjata
memegang dian anak buah Dato' Mendelika
memegang gambut anak buah Dato' Menteri
memegang golok anak buah Maharaja Inda
memangku abu anak buah Raja di Muda.
- 44.4. Pegawai arahkan dua orang di dalam dan dua orang diluar dan semua orang yang menyelempai di beri pakaian Sepelulus masing-masing.
- 44.5. Pekerjaan alat itu dijalankan selama dua kali tujuh hari atau sekurang-kurangnya tujuh hari dan dipasang meriam lima das dan di sembelih kerbau tiap-tiap jamuan sehingga sampai hadnya.
- 44.6. Jika Undang yang berelat tidak ditentukan lamanya (hari) terpulang kepada Undang sendiri berapa hari yang disukainya.
- 44.7. Pekerjaan Alat Setengah Undang.

Alat kebesaran angkatan diuraikan serba satu dan tiada orang menyelempai tetapan. Tiada balai mengadap dan Balai Melintang. Tiang tiada berbalut dengan kain. Pakaian berinai berpeterakna tabir langit-langit, gunung berangkat, sawa mengampar, bersilang gunting, sampaian empat di dalam dan diserambi hujung dan dipangkal, bantal bersusun, tilam ber-
alas panjang dan pendek.

Pakaian diatas boleh dibuat setelah mendapat izin daripada Undang. Lama boleh lima atau tiga hari. Sembelih kerbau tiap-tiap hari untuk jamuan, pasang meriam empat das. Elat ini dinamakan elat Lembaga.

44.8. Elat Pekerjaan Tua.

Lembaga boleh membenarkan dengan permuafakatan waris dan juak. Mula dipasang elat (hari pertama) tidak boleh berarak pada keesokannya boleh. Lama berelat tiga hari sahaja. Sembelih kerbau tiap-tiap hari. Dipasang meriam tiga das.

Jika waris, alat pakaian pertama, bergunung berangkat, bersilang gunting, sawa mengampai, bertabir langit-langit, sampaian empat didalam dan diluar, dihujung dan dipangkal serambi, bantal bersusun tilam beralas.

Jika pekerjaan ibubapa (Buapak) tabir langit-langit, sampaian empat dan bantal bersusun sahaja, tiada dipasangkan alamat (Meriam). Sembelih kambing, pekerjaan elat sehari semalam sahaja.

44.9. Dato' Datar. Mukim Setur (Setol) mengikut waris Hilir dan keturunan dalam Linggi. Ada yang mengikut Dato' Laksemana Raja, Waris Hilir.

Dato' Dagang Lenggeng (Berjawatan Penghulu) mengikut Dato' Johan waris Hulu dan Dato' Lela Perkasa Mendom serta Linggi jua adanya (ikut waris Hulu).

44.10. Dato' Muda Linggi kadang-kadang mengadap sebab jauh. Berpangkat Indok Saudagar.

- 44.11. Dato'-dato' lain datang dengan membawa angkatan mengikut taraf masing-masing pesakanya serta diiringi oleh anak-anak buahnya.

FASAL 45. Angkatan Jenazah Masa Kematian.

- 45.1. Jenazah pihak yang berpangkat di adatkan Tebang batang pinang buat usungan lima tingkat - di balut dengan kain puteh tempat yang di pikul - jenazah disungkup dengan dengan kain panjang benang emas dan kain sutera panjang berlipat empat diletakkan di atas kain panjang itu.

Di usung itu dudukkan seorang anak yang berpesaka sambil menaburkan wang dalam perjalanan dipasang Meriam Lima das - kerbau di sembelih untuk jamuan.

45.2. Kebesaran Di Tempat Jenazah.

Gunung berangkat, bersilang gunting, sawa mengampai, bantal bersusun, bertabir langit-langit, sampaian empat dihalaman, alat senjata diuraikan serba dua.

Pada masa jenazah diangkat, dimandikan dan membawa ke Makam diadakan jawatan menyempai.

- 45.3. Jika Undang atau Dato' Lembaga sedekahnya ialah enam suku. Jika Dato' Laksamana Raja, Dato' Johan, Dato' Maharaja lela dan juak yang empat sedekahnya dua suku jika Dato' Menteri, Dato' Raja di Muda, Dato' Maharaja Inda sedekahnya sesuku.

45.4. Angkatan Jenazah Kematian Setengah Undang.

Ditebang batang pinang buat usungan lima tingkat, jenazah ditutup dengan kain panjang benang emas, diatas usungan seperti satu undang jua. Alat di rumah tempat jenazah tiada orang menyelampai dan tiada tabur wang dan tiada dibunyikan meriam dan tidak diiringkan dengan alat kebesaran. Tetapi wang sedekahnya sama seperti undang.

FASAL 46. Adat Bidan Dan Mudim.

46.1. Jika diadakan majlis berelat diadakan tepak sirih dengan bertudung. Jika tidak berelat tiada disediakan.

Jika waris Lembaga upah mudim sama ada berelat atau tidak ialah upah mudim \$1.50 dibayar lepas tanggal kundang iringannya ayam seekor, kelapa setali, beras segantang, segumpal benang puteh dan dian. Jika anak buah persukuan \$1.00 dan iringannya sama seperti diatas.

46.2. Upah bidan, jika waris atau waris lembaga beranak sulung upah wang \$4.00, upah kerat pusat \$1.50 dan hadiah iringan seperti mudim juga. Jika beranak kali kedua atau seterusnya upah bidan \$2.00 dan upah kerat pusat 75 sen.

FASAL 47. Berbantai Tiga Kali Dalam Setahun Iaitu Masa
Hendak Puasa, Hari Raya Puasa Dan Hari Raya Haji.

47.1. Adat berbantai, menyembelih kerbau di-
rumah Telaga Undang bagi pihak Dato' Johan,
seekor kerbau dibantai (Sembelih). Di-
keluarkan adat kepada Telaga Undang diberi-
kepala kerbau, kepada juak diberikan ramat-
ramatnya dan baju belang, kepada Tua seperti
Malana, Bilal diberikan daging penyembelihan-
nya.

Bunyikan meriam lima das dari Balai Undang
disahut bunyikan meriam lima das di Telaga
Undang.

Lembaga atau waris berbantai di masjid se-
berapa banyak kerbau disembelih tidak di-
hadkan. Ramat-ramatnya diberikan kepada
Lembaga dan waris, baju belang kerbau itu
kepada juak. Kulit kerbau dan penyembelihan
diberi kepada Imam, Bilal, Mungkina dan
Khatib. Dagingan rentaman tiap-tiap seekor
kerbau yang disembelih itu diberikan kepada
Dato' Kelana Putera atau seringgit tiap-
tiap seorang.

47.2. Adat Telaga Undang Tiap-Tiap Tahun

Pada masa hari raya puasa atau hari raya
Haji dibentang kebesaran di Telaga Undang
seperti alat kebesaran di Balai Undang.
Di pasang meriam lima das setelah meriam
di Balai Undang ditembakkan lebih dahulu
lima das. Dato' Undang diiringi oleh Dato'-
dato', juak-juak dan pegawai masjid berangkat
ke Masjid sembahyang sunat hari raya, ber-
tahlil, dari masjid berarak ke Telaga Undang
sampai di Telaga Undang ditembak meriam lima
das. Baca doa.

FASAL 47. Berbantai Tiga Kali Dalam Setahun Iaitu Masa
Hendak Puasa, Hari Raya Puasa Dan Hari Raya Haji.

47.1. Adat berbantai, menyembelih kerbau di-
rumah Telaga Undang bagi pihak Dato' Johan,
seekor kerbau dibantai (Sembelih). Di-
keluarkan adat kepada Telaga Undang diberi-
kepala kerbau, kepada juak diberikan ramat-
ramatnya dan baju belang, kepada Tua seperti
Malana, Bilal diberikan daging penyembelihan-
nya.

Bunyikan meriam lima das dari Balai Undang
disahut bunyikan meriam lima das di Telaga
Undang.

Lembaga atau waris berbantai di masjid se-
berapa banyak kerbau disembelih tidak di-
hadkan. Ramat-ramatnya diberikan kepada
Lembaga dan waris, baju belang kerbau itu
kepada juak. Kulit kerbau dan penyembelihan
diberi kepada Imam, Bilal, Mungkina dan
Khatib. Dagingan rentaman tiap-tiap seekor
kerbau yang disembelih itu diberikan kepada
Dato' Kelana Putera atau seringgit tiap-
tiap seorang.

47.2. Adat Telaga Undang Tiap-Tiap Tahun

Pada masa hari raya puasa atau hari raya
Haji dibentang kebesaran di Telaga Undang
seperti alat kebesaran di Balai Undang.
Di pasang meriam lima das setelah meriam
di Balai Undang ditembakkan lebih dahulu
lima das. Dato' Undang diiringi oleh Dato'-
dato', juak-juak dan pegawai masjid berangkat
ke Masjid sembahyang sunat hari raya, ber-
tahlil, dari masjid berarak ke Telaga Undang
sampai di Telaga Undang ditembak meriam lima
das. Baca doa.

TAMAT.